


EMPAT PULUH HADITH QUDSI

Al-Imam Al-'Allamah Al-Muhaddith Al-Faqih
Mulla 'Ali Al-Qari
Al-Hanafi Al-Maturidi Al-Sufi (w.1014H)

Terjemahan dan Editor:
Dr. Abdullaah Jalil




WISDOM
PUBLICATION



EMPAT PULUH HADITH QUDSI

Al-Imam Al-'Allamah Al-Muhaddith Al-Faqih
Mulla 'Ali Al-Qari
Al-Hanafi Al-Maturidi Al-Sufi (w.1014H)



EMPAT PULUH HADITH QUDSI

**Al-Imam Al-‘Allamah Al-Muhaddith Al-Faqih
Mulla ‘Ali Al-Qari
Al-Hanafi Al-Maturidi Al-Sufi (w.1014H)**

Penterjemah dan Editor:

Dr. Abdullaah Jalil





WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
FB Page: Wisdom Publication
Reka Bentuk: Freepik.com

Hak Cipta Terpelihara © 2022 Wisdom Publication

Edisi Pertama
Cetakan: April 2022

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

Pencetak:
ZARASA ENTERPRISE,
001372482-A,
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: +6019-282 6924
Email: zarasaenterprise@gmail.com

Firman Allah ﷻ (al-Hijr: 49-50):

﴿نَبِّئْ عِبَادِيَ أَنِّي أَنَا الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ۝﴾

“Khabarkanlah kepada hamba-hambaKu [wahai Nabi Muhammad ﷺ],
bahawa Akulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani [bagi
mereka yang bertaubat dan beramal soleh].” [49]

﴿وَأَنَّ عَذَابِي هُوَ الْعَذَابُ الْأَلِيمُ ۝﴾

“Dan bahawa azabKu, ialah azab yang tidak terperi sakitnya, [bagi mereka
yang tetap dalam kederhakaannya].” [50]

DEDIKASI

Untuk sekalian para ulama' dan mashāyikh Ahli Sunnah dan Jama'ah sepanjang zaman yang menjadi panduan para penuntut ilmu dan umat Islam.

Untuk kedua ibu bapa yang dikasihi: Hapisah binti Ismail dan Haji Jalil bin Omar.

Buat isteri yang dicintai: Suraiya binti al-Marhum Haji Osman

Buat anak-anak yang disayangi: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-Safiyyah, Sara al-Ameena, Ibtisam al-Nafeesa dan Muhammad al-Habib.

Juga seluruh ahli keluarga dan para muslimin dan muslimat.

PRAKATA PENERBIT



Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji hanyalah bagi Allah. Selawat dan salam dipanjatkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad ﷺ serta ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ dan mereka yang menuruti jalan Baginda ﷺ sehingga ke hari kiamat.

Ammā ba‘d:

Penerbit sekali lagi memanjatkan kesyukuran kepada Allah ﷻ di atas taufik dan ‘ināyah-Nya, maka kami sekali lagi dapat menerbitkan buah tangan Dr. Abdullaah Jalil di dalam bidang hadith. Buku ini merupakan terjemahan bagi karangan Imam Mullā ‘Alī al-Qārī yang menghimpunkan 40 hadith qudsi daripada kitab-kitab hadith yang utama. Buku ini dilihat sangat bermanfaat dan sesuai dijadikan bacaan motivasi bagi seorang muslim yang mahu meningkatkan cintanya serta baik sangkanya terhadap Allah ﷻ dalam setiap perkara yang berlaku dalam hidupnya. Tema-tema yang terdapat di dalam hadith-hadith ini sangat dekat dengan kehidupan dan hati seorang Muslim di mana Allah ﷻ menzahirkan kesempurnaan kekuasaan-Nya, keindahan layanan-Nya dan keluasan rahmat dan kurniaan-Nya bagi para hamba-Nya. Semoga buku ini dapat memberi manfaat dengan seluas-luasnya dan semoga Allah ﷻ mengampunkan segala kekurangan dan kecuaiian yang berlaku dalam proses penerbitan buku ini. Akhir kata: “Selamat membaca.”

Wisdom Publication,

Nilai, Negeri Sembilan.

PRAKATA PENTERJEMAH DAN EDITOR



Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji hanyalah bagi Allah. Selawat dan salam buat junjungan kita Sayyidina Muhammad ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ serta mereka yang menuruti jalan Baginda ﷺ sehingga ke hari kiamat.

Ammā ba'd:

Penulis memanjatkan kesyukuran kepada Allah ﷻ di atas taufik dan hidayah-Nya buat penulis untuk menterjemahkan karya Imam Mullā 'Alī al-Qārī ini. Ini merupakan khidmat pertama penulis terhadap karya tokoh ilmunan Islam yang agung ini. Karya beliau ini memberikan perhatian secara khusus kepada hadith-hadith qudsī dengan cara yang agak ringkas. Namun pemilihan yang beliau lakukan bagi hadith-hadith ini sangat memberi manfaat. Hadith-hadith qudsī ini dapat menyerlahkan kesempurnaan (*kamāl*), keindahan (*jamāl*) dan keagungan (*jalāl*) Allah ﷻ serta layanan-Nya buat para hamba-Nya. Dalam erti kata yang lain, kefahaman yang betul terhadap kandungannya akan menambahkan makrifat seseorang terhadap Allah ﷻ. Semoga buku ini diterima oleh Allah ﷻ sebagai salah satu amalan soleh penulis di dunia ini dan di akhirat nanti. Dan semoga Allah ﷻ menjadikan buku ini sebagai sebuah karya yang memberi manfaat kepada umat Islam bagi agama mereka dan menambahkan cinta mereka serta baik sangka mereka terhadap Allah, Yang Maha Pengasih lagi Maha Pengampun. Selamat membaca dan mengambil manfaat dari buku ini.

Dr. Abdullaah Jalil,

Nilai, Negeri Sembilan. Malam Jumaat, 27 Ramadan 1443 Hijrah.

PANDUAN TRANSLITERASI

'	ء
b	ب
t	ت
th	ث
j	ج
ḥ	ح
kh	خ
d	د
dh	ذ
r	ر
z	ز
s	س
sh	ش
ṣ	ص
ḍ	ض

da	دَ
du	دُ
dī	دِي
al-Taḳī	اَلتَّقِيُّ

t	ط
ẓ	ظ
‘	ع
gh	غ
f	ف
q	ق
k	ك
l	ل
m	م
n	ن
h	هـ
h	ة
w	و
y	ي

di	دِ
dā	دَا
dū	دُو
Taḳiyy al-Dīn	تَقِيُّ الدِّينِ

ISI KANDUNGAN

PRAKATA PENERBIT	i
PRAKATA PENTERJEMAH DAN EDITOR	ii
PANDUAN TRANSLITERASI	iii
ISI KANDUNGAN	iv
PENDAHULUAN	1
Pendahuluan Pertama: Al-Imām Al-Mullā ‘Alī Al-Qārī	1
Guru	4
Murid	5
Karangan.....	5
Pujian Para Ulama’ kepada Beliau	8
Mujaddid Kurun ke 10 Hijrah	9
Kewafatan	10
Pendahuluan Kedua: Hadith Qudsi	11
Definisi Hadith Qudsi.....	11
Lafaz Periwatatan Hadith Qudsi	14
Kandungan Bicara Hadith Qudsi	14
Perbezaan di antara Hadith Qudsi dan al-Quran al-Karīm	14
Perbezaan Hadith Qudsi dan Hadith Nabawi	17
Rumusan Ringkas	17
Kitab-kitab Karangan berkenaan Hadith Qudsi	18
MUQADDIMAH PENGARANG	20
Hadith 1: Bacaan al-Fatihah di dalam Solat adalah Munajat Seorang Hamba dengan Allah ﷻ	24
Hadith 2: Orang Yang Mendustakan Allah dan Mencela-Nya	26
Hadith 3: Allah adalah Pencipta Waktu dan Pengaturnya.....	28
Hadith 4: Fadilat Menziarahi Orang Sakit, Memberi Makanan dan Minuman	29
Hadith 5: Fadilat Sabar di atas Musibah Hilang Penglihatan	31

Hadith 6: Bala' dan Ujian Membersihkan Dosa; Pahala Berterusan bagi Amalan Soleh Yang Menjadi Kebiasaan	32
Hadith 7: Penyakit di Dunia Sebagai Ganti bagi Azab Api Neraka di Akhirat	34
Hadith 8: Kesakitan Tubuh Badan dan Kesempitan Rezeki Menghapuskan Dosa	35
Hadith 9: Kewajipan Bersangka Baik dengan Allah ﷻ	36
Hadith 10: Nikmat Syurga itu Tidak Pernah Dilihat atau Didengar atau Dibayangkan kerana Terlalu Hebat	37
Hadith 11: Reda dan Sabar dengan Ketentuan dan Ujian daripada Allah ﷻ	38
Hadith 12: Puasa adalah Untuk Allah ﷻ	39
Hadith 13: Kemurahan Kurniaan Allah bagi Perihal Pahala dan Dosa	40
Hadith 14: Allah Cinta kepada Hamba Yang Cinta untuk Bertemu dengan-Nya, serta Sebaliknya	41
Hadith 15: Keagungan Allah ﷻ: Seluruh Makhluq Berhajat kepada-Nya dan Allah ﷻ Tidak Berhajat kepada Seluruh Makhluq-Nya	42
Hadith 16: Allah Meninggalkan (Tidak Menerima Amalan) Orang Yang Menyekutukannya	45
Hadith 17: Galakan Memberi Infaq (Membelanjakan Harta) Untuk Tujuan Kebaikan	46
Hadith 18: Rahmat Allah ﷻ Mendahului Kemurkaan-Nya	47
Hadith 19: Kurniaan Allah ﷻ buat Para Hamba-Nya Lebih Besar Berbanding Amalan Mereka	48
Hadith 20: Allah ﷻ Memuliakan Hubungan Silaturahmi	49
Hadith 21: Kemegahan dan Keagungan adalah Milik Allah ﷻ Semata-mata	50
Hadith 22: Galakan Berbuka Puasa di Awal Waktu	51
Hadith 23: Fadilat Orang-orang Yang Saling Berkasih Sayang kerana Keagungan Allah ﷻ	52

Hadith 24: Memberi Nasihat (Inginkan Kebaikan) bagi/kerana Allah ﷻ adalah Amalan Yang Paling Dicintai-Nya.....	53
Hadith 25: Kecintaan Allah ﷻ Buat Mereka Yang Saling Berkasih Sayang, Berhimpun, Bantu-membantu dan Ziarah Menziarahi KeranaNya.....	54
Hadith 26: Janji Allah ﷻ kepada Orang Yang Berjihad di Jalan-Nya	55
Hadith 27: Janji Allah ﷻ kepada Mereka Yang Memelihara Solat Fardu Lima (5) Waktu.....	56
Hadith 28: Allah ﷻ Memberitahu kepada Nabi Isa عليه السلام tentang Kemuliaan Umat Rasulullah ﷺ	57
Hadith 29: Allah ﷻ Memberi Keampunan kepada Sesiapa Yang Mengetahui Bahawa Dia adalah Maha Pengampun	58
Hadith 30: Kelebihan Tidak Mengadu Penderitaan Yang Menimpa kepada Makhluk.....	59
Hadith 31: Keampunan Allah ﷻ Yang Luas bagi Orang-orang Yang Beristighfar.....	60
Hadith 32: Ketaatan kepada Allah ﷻ Menjadi Sebab Turunnya Nikmat dan Jauhnya Malapetaka.....	62
Hadith 33: Keampunan Allah ﷻ bagi Orang Yang Tidak Menyekutukannya.....	63
Hadith 34: Empat Rakaat Duha di Awal Hari Mencukupkan Keperluan Harian	64
Hadith 35: Ibadah Melapangkan Dada dan Menjauhkan Kefakiran ..	65
Hadith 36: Kesihatan Tubuh Badan dan Keluasan Rezeki Yang Berterusan Menuntut Ziarah Hamba kepada Allah ﷻ	66
Hadith 37: Allah ﷻ Bersama dengan Hamba-Nya Yang Berzikir kepada-Nya.....	67
Hadith 38: Keredaan Allah buat Penghuni Syurga Tanpa Kemurkaan Selama-lamanya	68
Hadith 39: Azab Allah ﷻ adalah Buat Mereka Yang MenyekutukanNya	70
Hadith 40: Lindungan Allah ﷻ bagi Orang Yang Saling Berkasih Sayang Kerana-Nya.....	71

PENUTUP.....	72
PENTERJEMAH DAN EDITOR.....	73
BIBLIOGRAFI	75

PENDAHULUAN



Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh alam. Selawat dan salam buat junjungan kita Sayyidina Muhammad bin Abdullah ﷺ, utusan Allah dan kekasih-Nya, penghulu para Nabi dan Rasul ﷺ, semulia-mulia dan sebaik-baik makhluk Allah secara mutlak, dan buat ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, serta orang-orang yang menuruti tauladan dan petunjuk Baginda ﷺ sehingga ke hari kiamat.

Ammā ba‘d,

Penulis memulakan buku ini dengan dua pendahuluan (*muqaddimah*) berkenaan latar belakang pengarang kitab asal iaitu Imam Mullā ‘Alī Al-Qārī dan konsep hadith qudsi di dalam disiplin ilmu hadith.

Pendahuluan Pertama: Al-Imām Al-Mullā ‘Alī Al-Qārī

Pengarang kitab “al-Aḥādīth al-Qudsiyyah al-Arba‘īniyyah” ini ialah Al-Imām Al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Faqīh al-Uṣūlī al-Mufasssir al-Muqri’ al-Mutakallim al-Nazzār al-Mu’arrikh al-Lughawī al-Naḥwī al-Adīb Nūr al-Dīn, Abū al-Ḥasan, ‘Alī bin Sulṭān Muḥammad al-Qārī al-Hirawī/al-Harawī al-Makki al-Ḥanafī Al-Māturīdī al-Ṣūfī. Secara ringkasnya, beliau lebih masyhur dikenali dengan panggilan Mullā ‘Alī al-Qārī.

Beliau adalah merupakan tokoh ulama’ Islam Ahli Sunnah dan Jamaah yang bermazhab Hanafi di dalam fiqh, bermanhaj al-Maturidi di

dalam aqidah¹, dan merupakan seorang tokoh ulama' Sufi. Al-Qārī ialah nisbah bagi ketokohan dan kemasyhuran beliau di dalam ilmu qiraat al-Quran, al-Hirawī/al-Harawī ialah nisbah kepada bandar Herat/Harāt di Afghanistan yang merupakan tempat kelahiran beliau, al-Makkī ialah nisbah kepada tempat beliau berhijrah, menetap dan wafat, al-Ḥanafī ialah nisbah kepada mazhab beliau – mazhab Hanafi - di dalam ilmu fiqh, al-Māturīdī ialah nisbah kepada mazhab beliau – mazhab al-Māturīdī – di dalam ilmu akidah dan al-Ṣufī pula ialah nisbah kepada ketokohan beliau di dalam ilmu tasawwuf dan amalannya. Beliau adalah seorang ilmuan Islam yang menguasai pelbagai bidang ilmu seperti fiqh, hadith, tafsir, usuluddin, bahasa arab, nahu, sirah, tasawwuf, fara'id, tajwid dan qiraat al-Quran.

Beliau dilahirkan di Herat/Harāt (al-Hirawi/al-Harawi), Aghanistan pada sekitar tahun 930 Hijrah di dalam keluarga yang mempunyai ilmu dan kemuliaan. Beliau memulakan pengajian ilmu agamanya di bumi kelahirannya terlebih dahulu. Di Herat, beliau mempelajari al-Quran dan menghafalnya dan di antara gurunya ialah al-Shaykh Mu'īn al-Dīn bin al-Ḥāfiẓ Zayn al-Dīn al-Hirawī/al-Harawī. Beliau juga sempat mengambil ilmu daripada para ulama' di Khurāsān, di antara mereka ialah Abū al-Ḥasan al-Bakrī, al-Ījī al-Ṣafawī dan al-Ḥafīd al-Taftāzānī.

Beliau sememangnya telah mempunyai azam untuk berpindah ke Mekah dan menetap di sana. Apabila al-Shāh Ismā'īl al-Ṣafawī al-Rāfiqī mula menguasai bandar Herat pada tahun 916 Hijrah, fitnah yang besar telah berlaku dengan berlaku apabila dia memaksa para ulama' untuk

¹ Majoriti ulama' mazhab Hanafi – sekitar dua pertiga - bermanhaj al-Maturidi di dalam aqidah dan sekitar satu pertiga yang baki pula bermanhaj Al-Ashā'irah. Al- Al-Ashā'irah dan Al-Maturidiyyah ialah manhaj majoriti ulama' dan umat Islam di dalam aqidah. Al- Al-Ashā'irah dan Al-Maturidiyyah adalah merupakan tunggak kepada Ahli Sunnah dan Jamaah – Segala puji bagi Allah.

menzahirkan syiar-syiah Syiah Rāfiḍah sehingga berlakunya pembunuhan dan kezaliman. Peristiwa ini menyebabkan ramai para ulama' mula berhijrah meninggalkan bandar Herat. Pada waktu inilah Mullā 'Alī al-Qārī berhijrah ke Mekah yang menjadi satu titik besar bagi perubahan dan perkembangan di dalam hidupnya.

Di tanah suci Mekah, beliau mula menimba ilmu dengan sebaik-baiknya daripada para ulama' Islam Ahli Sunnah dan Jamaah (ASWJ) dalam tempoh bertahun-tahun lamanya. Seiring dengan perkembangan masa, ketokohan beliau dalam pelbagai ilmu Islam semakin masyhur dikenali dan karangan-karangan utama beliau yang bernilai tinggi kebanyakan dihasilkan di bumi yang barakah ini.

Mullā 'Alī al-Qārī juga sangat mahir dalam penulisan khat arab (kaligrafi arab). Sumber rezeki beliau adalah berdasarkan kemahiran beliau di dalam bidang ini. Setiap tahun, beliau akan menulis sebuah mushaf al-Qur'an dengan ditambah pada sisinyanya sebahagian nota Qira'at dan tafsir, lantaran beliau juga merupakan seorang tokoh ulama' Qira'at dan tafsir al-Qur'an. Apabila beliau telah menjual mushaf tersebut, pendapatannya itu digunakan untuk nafkah perbelanjaan tahunan beliau. Hasil jualan mushaf tersebut cukup untuk keperluannya kerana beliau hidup dengan penuh zuhud, tanpa isteri, hamba, anak atau keluarga yang ditanggung. Al-'Allāmah Al-Muḥaddith Dr. Muhammad 'Abd al-Ḥalīm al-Nu'mānī al-Jishtī berkata:

ظَلَّ الْمَلَّا عَلِي الْقَارِي قَانِعاً بِمَا يَحْصُلُ مِنْ بَيْعِ كُتُبِهِ، وَغَلَبَ عَلَيْهِ حَالُهُ الزُّهْدُ وَالْعِفَافُ
وَالرِّضَا بِالْكَفَافِ، وَكَانَ قَلِيلَ الْإِخْتِلَاطِ بِغَيْرِهِ كَثِيرَ الْعِبَادَةِ وَالتَّقْوَى، شَدِيدَ الْإِقْبَالِ
عَلَى عَالَمِ السَّرِّ وَالنَّجْوَى جَلَّ جَلَالُهُ

“Dan [Imam] Mullā 'Alī al-Qārī sentiasa merasa cukup dengan pendapatan yang beliau perolehi melalui hasil jualan kitab-kitabnya. Hal keadaan kehidupannya dipenuhi dengan kezuhudan,

pemeliharaan maruah diri [dengan tidak meminta-minta] dan reda dengan rezeki yang sekadar mencukupi.

Beliau tidak banyak bergaul dengan orang lain, banyak beribadah, melazimi ketakwaan dan sangat bersungguh-sungguh berusaha mencari [keredaaan] Allah ﷻ yang Maha Mengetahui segala perkara yang rahsia serta bicara hati.”

Guru

Di antara guru beliau ialah:

- Al-Imām al-Muḥaddith al-Mufasssir al-Ṣūfī al-Faqīh Tāj al-‘Ārifīn Abū al-Ḥasan Muḥammad al-Bakrī al-Ṣiddīqī (w.952H) – daripada kalangan ulama’ mazhab Shafie.
- Al-Sayyid Zakariyyā al-Ḥusaynī
- Al-Imām al-‘Allāmah Khātimat al-Fuqahā’ wa al-Muḥaddithīn Shaykh al-Islām Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibnu Ḥajar al-Haytamī (w.974H) – seorang tokoh ulama’ mazhab Shafie yang sangat masyhur di Mekah.
- Al-Imām ‘Alā’ al-Dīn Alī al-Muttaqī al-Hindī al-Burhānfūrī al-Madanī al-Makkī (w.975H) – pengarang kitab “Kanz al-‘Ummāl”
- Al-Shaykh Muḥammad Sa‘īd al-Ḥanafī al-Khurāsānī
- Al-Imām al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Faqīh al-Shāfi‘ī Zayn al-Dīn ‘Aṭīyyah bin ‘Alī bin Ḥasan al-Sulamī al-Makkī (w.982H) – “Shaykh al-Muslimin”. Beliau merupakan tenaga pengajar mazhab Shafie di Madrasah Sulaymāniyyah di Mekah dan mengetuai tanggungjawab fatwa mazhab Shafie di Mekah.
- Al-Shaykh Aḥmad al-Miṣrī – salah seorang murid kepada Al-Imām Shaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī al-Shāfi‘ī
- Al-Shaykh ‘Abdullāh al-Sindī

- Al-Mu'arrikh Quṭb al-Dīn Muḥammad al-Nuhruwālī al-Hindī al-Makkī (w.990H)
dan lain-lain.

Murid

Di antara murid beliau pula ialah:

- Al-Shaykh 'Abd al-Qādir al-Ḥusaynī al-Ṭabarī
- Al-Shaykh 'Abd al-Raḥmān al-Murshidī al-'Umarī
- Al-Shaykh 'Abd al-'Azīm al-Makkī
- Al-Shaykh Muḥammad bin Farwakh
dan lain-lain.

Karangan

Beliau mempunyai karangan-karangan yang hebat dalam pelbagai bidang. Al-Baghdādī menyebut di dalam Hadiyyat al-'Ārifin bahawa Mullā 'Alī al-Qārī telah menulis sebanyak 107 buah kitab, al-Jishtī menyatakan bahawa beliau mempunyai sebanyak 134 buah kitab dan Barūkalmān mengira bahawa beliau telah menulis sekitar 185 buah kitab. Imam 'Abd al-Ḥayy al-Laknawī berkata di dalam kitabnya "al-Ta'līq al-Mumajjad 'alā Muwaṭṭa' Muḥammad" [riwayat Imam Muḥammad bin al-Ḥasan bagi Muwaṭṭa' Imam Malik bin Anas al-Madanī]:

**وكل مؤلفاته نفيسة في بابها وفريدة ومفيدة بلغته مرتبة المجددية على رأس الألف من
الهجرة**

"Dan setiap karangan beliau bernilai tinggi di dalam bidangnya, tersendiri dan bermanfaat, menyampaikan beliau ke kedudukan para mujaddid di pangkal tahun 1000 tahun hijrah."

Di antara kitab-kitab karangan beliau:

- Al-Adab fi Rajab al-Murajjab
- Al-Aḥādīth al-Qudsiyyah al-Arbaʿīniyyah – kitab ini
- Al-Asrār al-Marfūʿah fi Aḥādīth/ al-Akḥbār al-Mawdūʿah
- Al-Athmār al-Janiyyah fi Asmāʾ al-Ḥanafīyyah
- Al-Dhakhīrah al-Kathīrah fi Rajāʾ al-Maghfirah al-Kabīrah
- Al-Durrah al-Muḍiyyah fi al-Ziyārah al-Muṣṭafawīyyah
- Al-Fayḍ al-Samāʾī fī Takhrīj Qirāʾāt al-Bayḍāwī
- Al-Hayʿah al-Saniyyah al-ʿAliyyah ʿalā Abyāt al-Shāṭibī
- Al-Ḥizb al-Aʿẓam wa al-Wird al-Afkham li Intisābih wa Istinādih ilā al-Rāsūl al-Aʿẓam ﷺ.
- Al-Jamālayn ʿalā al-Jalālayn
- Al-Martabah al-Shuhudiyyah fi Manzilat al-Wujūdiyyah
- Al-Maṣnūʿ fi Maʿrifat al-Ḥadīth al-Mawdūʿ
- Al-Mawlid al-Rawī fi al-Mawlid al-Nabawī
- Al-Minah al-Fikriyyah ʿalā al-Muqaddimah al-Jazariyyah
- Al-Mukhtaṣar al-Awfā fī Sharḥ al-Asmāʾ al-Ḥusnā
- Al-Muqaddimah al-Sālimah fi Khawf al-Khātimah
- Al-Nāmūs fi Talkhīṣ al-Qāmūs li al-Fayrūz Ābādī
- Al-Nisbah al-Murattabah fi al-Maʿrifah wa al-Maḥabbah
- Al-Qawl al-Sadīd fi Khalf al-Waʿd
- Al-Rāʾiyyah fi al-Rasm
- Al-Zubdah fi Sharḥ Qaṣīdat al-Burdah
- Anwār al-Ḥujaj fi Asrār al-Ḥajj
- Anwār al-Qurʾān wa Asrār al-Furqān - Tafsir al-Mullā ʿAlī al-Qārī
- Arbaʿūn Ḥadithā fi Faḍāʾil al-Qurʾān
- Bahjat al-Insān wa Muhjat al-Ḥayawān
- Bidāyat al-Sālik fi Nihāyaṭ al-Masālik fi Sharḥ al-Manāsik
- Farāʾid al-Qalāʾid ʿalā Aḥādīth Sharḥ al-ʿAqāʾid
- Ḥāshiyah ʿalā al-Mawāhib al-Laduniyyah

- Ḥāshiyah ‘alā Fath al-Qadīr
- Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ al-Ḥidāyah li al-Marghīnānī
- Ḥāshiyat ‘alā Tafsir al-Bayḍāwī
- Hay’at al-Saniyyāt fi Tabyīn Aḥādīth al-Mawḍū‘āt
- Ḥudūd al-Aḥkām
- Istikhrāj al-Majhūlāt li al-Ma‘lūmāt
- Jam‘ al-Wasā’il fi Sharḥ al-Shamā’il
- Minaḥ al-Rawḍ al-Azhar fi Sharḥ al-Fiqh al-Akbar
- Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ
- Mubīn al-Mu‘īn fi Sharḥ al-Arba‘īn
- Muṣṭalaḥat Ahl al-Athar ‘alā Nukhbat al-Fikar
- Qiṣṣat Hārūt wa Mārūt
- Radd al-Fuṣūṣ
- Radd al-Mutashābihāt ila al-Muḥkamāt
- Raf‘ al-Junāḥ wa Khafḍ al-Janāḥ bi Arba‘īn Ḥadīthā fi al-Nikāḥ
- Risālah fi al-Tafsīr
- Shamm al-‘Āwāriḍ fi Dhamm al-Rawāfiḍ
- Sharḥ al-Amālī
- Sharḥ al-Ḥiṣn al-Ḥaṣīn
- Sharḥ al-Risālah al-Qushayriyyah
- Sharḥ al-Shāṭibiyyah
- Sharḥ al-Shifā fi Ḥuqūq al-Muṣṭafā
- Sharḥ Ḥadīth “Lā ‘Adwā wa Lā Ṭiyarah”
- Sharḥ Mushkilāt al-Muwatṭa’
- Sharḥ Musnad al-Imām Abī Ḥanifah
- Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim
- Shifā’ al-Sālik fi Irsāl Mālik
- Siyar al-Bushrā fi al-Siyar al-Kubrā
- Tadhkirat al-Mawḍū‘āt

- Tafsīr al-Āyāt al-Mutashābihāt
- Tafsīr Sūrat al-Qadr
- Takhrīj Aḥādīth Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah
- Taṭhīr al-Ṭawīyyah bi Taḥsīn al-Niyyah
- Zubdat al-Shamā’il wa ‘Umdat al-Wasā’il

dan lain-lain.

Pujian Para Ulama’ kepada Beliau

Al-‘Allāmah Al-Muḥaddith Dr. Muhammad ‘Abd al-Ḥalīm al-Nu‘mānī al-Jishtī menyebut di dalam kitabnya “al-Biḍā’ah al-Muzjāh liman Yuṭāli’ al-Mirqāh fi Sharḥ al-Mishkāh”:

فاق أقرانه، وصار إماما شهيرا، وعلامة كبيرا، نظارة متضلعا في كثير من العلوم العقلية والنقلية، متمكنا بفن الحديث والتفسير والقراءات والأصول والعربية وسائر علوم اللسان والبلاغة، مع الإتقان في كل ذلك.

“Beliau telah melebihi sahabat-sahabat sezamannya, dan menjadi seorang imam yang masyhur, dan *‘allāmah* yang agung, serta mempunyai ketajaman dan pengetahuan mendalam di dalam banyak bidang ilmu aqli dan naqli, lagi mempunyai kedudukan yang teguh di dalam disiplin ilmu hadith, tafsir, qiraat al-Quran, uṣūl (Usul al-Din atau Usul al-Fiqh), bahasa arab dan keseluruhan ilmu lisan arab dan balaghah, dengan ketekunan yang tinggi di dalam setiap bidang ilmu tersebut.”

Al-Imām al-‘Allāmah Abū al-Ḥasanāt Muḥammad ‘Abd al-Ḥayy al-Laknawī (w.1304H) menyebut di dalam kitabnya “al-Ta’līq al-Mumajjad ‘alā Muwaṭṭa’ Muḥammad” – syarah bagi kitab Muwaṭṭa’ Imam Malik dengan riwayat Imam Muḥammad bin al-Ḥasan – berkenaan Mullā ‘Alī al-Qārī:

صاحب العلم الباهر، والفضل الظاهر

“[Beliau ialah] seorang yang memiliki ilmu yang sangat mendalam luas dan kemuliaan yang sangat jelas.”

Al-Mu’arrikh ‘Abd al-Malik bin Ḥusayn bin ‘Abd al-Malik al-Makkī al-‘Iṣāmī al-Hindī (w.1111H) di dalam kitabnya “Samṭ al-Nujūm al-‘Awālī fi Anbā’ al-Awā’il wa al-Tawālī” menyifatkan Mullā ‘Alī al-Qārī sebagai:

أحد صُدُور العلم، فرد عصره، الباهر السمت في التَّحْقِيق، وتنقيح العبارات، وشهرته
كافية عن الإطراء في وصفه

“[Beliau ialah] salah seorang tokoh ilmu, yang terulung di zamannya, mempunyai ilmu yang mendalam luas dan jelas dalam pentahkikan dan penyaringan ilmu. Dan kemasyhuran beliau sudah mencukupi daripada keperluan untuk menerangkan sifat-sifat beliau [yang lain].”

Al-Imām al-Fāqih al-Muḥaddith al-Mu’arrikh al-Adīb Muḥammad Amīn bin Faḍlullāh bin Muḥammad al-Muḥibbi al-Ḥamawī al-Dimashqī (w.1111H) di dalam kitabnya “Khulāṣat al-Athar fī A’yān al-Ḥādī ‘Ashar” menyatakan tentang Mullā ‘Alī al-Qārī:

الجامع للعلوم العقلية والنقلية، والمتضلع من السنة النبوية، أحد جمَاهير الأعلام
ومشاهير أولي الحفظ والأفهام

“[Beliau ialah] seorang yang menghimpunkan ilmu-ilmu aqli dan naqli, dan mempunyai pengetahuan mendalam berkenaan Sunnah Nabi ﷺ, serta salah seorang daripada tokoh ilmu umat Islam yang masyhur, dan mempunyai kekuatan hafalan dan ketinggian kefahaman.”

Mujaddid Kurun ke 10 Hijrah

Mullā ‘Alī al-Qārī juga dianggap sebagai salah seorang mujaddid bagi kurun ke 10 Hijrah oleh sebahagian ulama’ seperti al-‘Allāmah al-Shaykh

Yūsuf bin Ismā‘īl al-Nabhānī, al-Imam ‘Abd al-Ḥayy al-Laknawī dan al-Imām Ibnu ‘Ābidīn al-Ḥanafī. Di antara tokoh ulama’ Islam utama yang dianggap sebagai Mujaddid pada kurun ini juga ialah Al-Imām Shams al-Dīn al-Ramlī (w.1004H) dan Al-Imām Aḥmad al-Sirhindī (w.1034H).

Kewafatan

Beliau wafat pada bulan Shawwal tahun 1014 Hijrah dan jenazah beliau disemadikan di perkuburan al-Ma‘lāh, satu perkuburan yang masyhur dan diberkati di bumi Mekah al-Mukarramah. Sebahagian penulis biografi beliau menukikan bahawa apabila berita kewafatan beliau telah sampai kepada pengetahuan para ulama’ Mesir, maka mereka melakukan solat jenazah ghaib bagi beliau di Masjid Jami‘ Al-Azhar dengan kehadiran lebih empat ribu orang. Semoga Allah ﷻ menempatkan beliau bersama para ulama’ dan awliya’ serta melimpahkan rahmat-Nya dan pengampunan-Nya kepada beliau, juga buat ibu bapa, ahli keluarga dan susur galur guru dan murid beliau. Allāhumma Āmīn.

Pendahuluan Kedua: Hadith Qudsi²

Definisi Hadith Qudsi

Al-Qudsi atau al-Qudusi dari sudut bahasa memberi maksud “suci” atau “kesucian.” Imām Ibnu Manzūr berkata:

التَّقْدِيسُ: تَنْزِيهِ اللَّهِ، وَالتَّقْدِيسُ: التَّطْهِيرُ وَالتَّزْيِينُ، وَتَقَدَّسَ: تَطَهَّرَ

“*Al-Taqdīs* itu ialah menyucikan Allah [dari sebarang kekurangan dan sifat-sifat yang tidak layak bagi-Nya].

Al-Taqdīs juga bermakna menyucikan dan memberkati (menambah kebaikan).

Taqaddas pula bermaksud “suci” atau “menjadi suci”.

R: (Ibn Manzur (711H): Lisan al-Arab).

Allah ﷻ berfirman di dalam al-Quran berkenaan kata-kata para malaikat (surah al-Baqarah: ayat 30):

﴿وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ﴾

“Padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu.”

Imam Al-Zajjāj berkata:

مَعْنَى ﴿نُقَدِّسُ لَكَ﴾، أَيِ: نَطَهِّرُ أَنْفُسَنَا لَكَ

² Rujukan utama bagi pendahuluan ini ialah Muqaddimah yang disediakan oleh Dr. ‘Abd al-‘Azīz Mukhtar bagi kitab “al-Aḥādīth al-Qudsiyyah al-Arba‘īniyyah”.

³ Kalimah “أَيِ” di sini ialah huruf pentafsiran bagi kalimah sebelumnya (حرف تفسير).

“Makna: kami mensucikan-Mu ialah “kami menyucikan diri-diri kami kerana-Mu/ untuk-Mu.”

Malaikat Jibril ﷺ dinamakan sebagai Rūḥ al-Qudus yang bermakna roh yang suci kerana ia dicipta daripada kesucian. Sebagai contoh Rasulullah ﷺ bersabda:

((إِنَّ رُوحَ الْقُدُسِ نَفَثَ فِي رُوعِي أَنَّ نَفْسًا لَنْ تَمُوتَ حَتَّى تَسْتَكْمِلَ رِزْقَهَا، فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ))

“Sesungguhnya Ruh yang Qudus telah meniupkan (/menyampaikan wahyu) ke dalam hatiku bahawa sesungguhnya seseorang itu pasti tidak akan wafat sehinggalah dia menyempurnakan rezekinya. Maka bertakwalah kepada Allah dan berusahalah dengan baik dalam mencari rezeki.”

T: (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 1151 [Lafaz di atas].

Ruh yang Qudus di dalam hadith tersebut adalah merujuk kepada Sayyidina Jibril ﷺ.

Hadith Qudsi atau Qudusi⁴ ialah hadith yang dinisbahkan oleh Rasulullah ﷺ kepada Allah ﷻ. Hadith Qudsi juga dinamakan sebagai Hadith Ilāhī atau Hadith Rabbānī. Ia dinamakan “Qudsi” kerana penisbahannya kepada Allah ﷻ, dan ia datang dengan mentaqdiskan zat Allah ﷻ.

⁴ Berdasarkan penisbahan hadith kepada pihak yang berkata, maka hadith boleh dibahagikan kepada: (i) Qudsi/Qudusi: Allah ﷻ, (ii) Marfū‘: Rasulullah ﷺ, (iii) Mawqūf: Sahabat ﷺ, dan (iv) Maqtū‘: Tabi‘īn. Hadith mawqūf dan maqtū‘ pada hakikatnya ialah athār yang tidak disandarkan kepada Rasulullah ﷺ sebagai perkataan atau perbuatan atau perakuan Baginda ﷺ.

daripada menyerupai mana-mana sifat makhluk atau sifat-sifat kekurangan.

Al-Imām Al-Ḥāfiẓ Shaykh al-Islām Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibnu Ḥajar al-Haytami (w.974H) mendefinisikan *hadith qudsī* atau *qudusī* sebagai:

هُوَ مَا نُقِلَ إِلَيْنَا أَحَادًا عَنْهُ ﷺ، مَعَ إِسْنَادِهِ عَنْ رَبِّهِ

“Ia adalah sesuatu [hadith] yang dinukilkan kepada kita secara tersendiri oleh Rasulullah ﷺ dan Baginda ﷺ menyandarkannya kepada Tuhannya.”

R: (Ibn Hajar al-Haytami (974H): *al-Fath al-Mubin bi Sharh al-Arba'in*).

Sebahagian ulama' mentakrifkannya sebagai:

هُوَ الْحَدِيثُ الَّذِي يُسْنَدُهُ النَّبِيُّ ﷺ إِلَى اللَّهِ، فَيَرْوِيهِ النَّبِيُّ ﷺ عَلَى أَنَّهُ كَلَامُ اللَّهِ تَعَالَى

“Ia adalah *hadith* yang disandarkan oleh Baginda Nabi ﷺ kepada Allah, dan Baginda Nabi ﷺ meriwayatkannya sebagai kalam Allah ﷻ.”

Dan:

مَا أُضِيفَ إِلَى الرَّسُولِ ﷺ، وَأُسْنَدُهُ إِلَى رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ

“Suatu [hadith] yang disandarkan kepada Rasulullah ﷺ dan Baginda ﷺ menyandarkannya kepada Tuhannya ﷻ.”

R: (al-Ṣabbāgh (1439H): *al-Ḥadīth al-Nabawī: Muṣṭalaḥuh, Balāghatuh, Kutubuh*).

Kesemua definisi-definisi tersebut memberi makna yang sama berkenaan definisi *hadith qudsi*.

Lafaz Periwaiatan Hadith Qudsi

Pada kebiasaannya, hadith qudsi dimulakan dengan ungkapan seperti berikut:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَأَسْنَدَهُ إِلَى رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ

“Rasulullah ﷺ bersabda dan Baginda ﷺ menyandarkannya kepada Tuhan Baginda ﷻ”, atau:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فِيْمَا يَرْوِي عَنْ رَبِّهِ

“Rasulullah ﷺ bersabda pada apa yang Baginda ﷺ riwayatkan daripada Tuhan Baginda ﷻ”, atau:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِيْمَا رَوَاهُ عَنْهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ

“Allah ﷻ berfirman pada apa yang telah diriwayatkan oleh Rasulullah ﷺ.”

Kandungan Bicara Hadith Qudsi

Dari sudut kandungan pula, hadith qudsi dilihat sangat jarang berkaitan dengan hukum halal dan haram, dan kebanyakannya adalah berkaitan dengan kesempurnaan, kemuliaan dan keagungan Allah ﷻ.

Perbezaan di antara Hadith Qudsi dan al-Quran al-Karīm

Perbezaan-perbezaan di antara al-Quran dan hadith qudsi boleh diringkaskan seperti berikut⁵:

⁵ Rujukan utama bagi perbezaan ini diambil dari mukadimah yang diletakkan oleh Dr. ‘Abd al-‘Azīz Mukhtār Ibrāhīm bagi kitab ini.

Perbezaan pertama:	Lafaz dan makna al-Quran adalah daripada Allah ﷻ dan tidak ada campur tangan bagi Rasulullah ﷺ pada lafaznya melainkan Baginda ﷺ hanya menyampaikannya. Bagi hadith qudsi pula, maknanya adalah daripada Allah ﷻ dan lafaznya pula adalah daripada Rasulullah ﷺ.
Perbezaan kedua:	Al-Quran adalah merupakan mukjizat daripada Allah ﷻ yang kekal sepanjang zaman dan sentiasa terpelihara daripada sebarang penukaran atau perubahan. Dan Allah ﷻ juga mencabar seluruh bangsa arab untuk mendatangkan seumpamanya, namun mereka pasti tidak mampu melakukannya. Manakala hadith qudsi pula bukanlah merupakan satu cabaran (mukjizat) terhadap orang-orang arab dan ia tidak terpelihara daripada pemalsuan yang boleh berlaku padanya, berpunca daripada para pereka hadith palsu, orang-orang zindik dan ahli-ahli bid'ah yang pelbagai.
Perbezaan ketiga:	Tidak diharuskan periwayatan al-Quran dengan maknanya sahaja kerana lafaznya dan maknanya adalah <i>ta'abbud</i> (ibadah). Hadith qudsi pula diharuskan untuk diriwayatkan dengan makna sepertimana hadith-hadith nabawi yang lain.
Perbezaan keempat:	Al-Quran boleh dibaca di dalam solat sama ada solat dengan suara nyaring atau perlahan, sama ada solat sunat atau solat fardu, dan solat tidak akan sah melainkan dengan bacaan al-Quran. Manakala hadith qudsi pula tidak dibolehkan pembacaannya di dalam solat.
Perbezaan kelima:	Istilah "Al-Quran" adalah istilah yang khusus dengan lafaznya.

	Lafaz hadith qudsi tidak boleh dinamakan sebagai “al-Quran.”
Perbezaan keenam:	Al-Quran dinukilkan kepada kita daripada satu generasi ke generasi yang lain dengan jalan yang <i>mutawātir</i> bagi setiap lafaznya. Manakala hadith qudsi pula: ada yang dinukilkan secara <i>mutawātir</i> dan ada yang dinukilkan secara <i>āḥād</i>.
Perbezaan ketujuh:	Satu ayat daripada al-Quran dinamakan sebagai “<i>āyah</i>” dan beberapa ayat dinamakan sebagai satu “<i>sūrah</i>”. Manakala hadith qudsi pula tidak dinamakan sebagai “<i>āyah</i>” dan himpunan lafaznya juga tidak dinamakan sebagai “<i>sūrah</i>”.
Perbezaan kelapan:	Orang yang berada di dalam keadaan hadas kecil dilarang menyentuh al-Quran dan orang yang berada dalam keadaan hadas besar, junub atau seumpamanya diharamkan membaca al-Quran. Manakala orang yang berada di dalam keadaan hadas kecil atau besar tidak diharamkan untuk menyentuh atau membaca hadith qudsi.
Perbezaan kesembilan:	Pembacaan al-Quran dengan lafaznya adalah merupakan satu bentuk ibadah (<i>ta‘abbud</i>) dan bagi setiap hurufnya diberikan pahala sebanyak sepuluh kebajikan. Manakala pembacaan lafaz hadith qudsi tidak dianggap sebagai bentuk ibadah (<i>ta‘abbud</i>) dan tidak pula diberikan ganjaran bagi setiap huruf daripadanya sepuluh kebajikan.
Perbezaan kesepuluh	Al-Quran tidak dinisbahkan melainkan hanya semata-mata kepada Allah ﷻ.

	Manakala hadith qudsi dinisbahkan asalnya kepada Allah ﷻ (<i>nisbat al-inshā'</i>) dan dinisbahkan kepada Rasulullah ﷺ sebagai pemberi/ penyampai khabar (<i>nisbat al-ikhbār</i>).
--	---

Perbezaan Hadith Qudsi dan Hadith Nabawi

Perbezaan pertama:	Hadith nabawi meliputi perkataan (<i>qawl</i>), perbuatan (<i>af'āl</i>), perakuan (<i>taqrīr</i>) dan sifat fizikal Rasulullah ﷺ. Manakala hadith qudsi pula hanya berkaitan dengan perkataan Baginda ﷻ.
Perbezaan kedua:	Dari sudut lafaz periwayatan, hadith nabawi dinisbahkan secara langsung kepada Rasulullah ﷺ. Manakala hadith qudsi diriwayatkan oleh Baginda ﷻ dan dinisbahkan oleh Baginda ﷻ kepada Allah ﷻ.

Rumusan Ringkas

Aspek Perbezaan	Al-Quran	Hadith Qudsi	Hadith Nabawi
Lafaz	Lafaznya daripada Allah ﷻ	Maknanya daripada Allah, tetapi lafaznya daripada Rasulullah ﷺ	Sumbernya adalah wahyu dan lafaznya daripada Rasulullah ﷺ
<i>Ta'abbud</i>	Lafaznya adalah <i>ta'abbud</i> (satu bentuk ibadah)	Lafaznya bukanlah merupakan <i>ta'abbud</i> (satu bentuk ibadah), seperti kitab-kitab samāwī yang lain melainkan al-Quran	Lafaznya bukanlah merupakan <i>ta'abbud</i> (satu bentuk ibadah)
Mukjizat	Lafaznya adalah mukjizat	Lafaznya bukanlah mukjizat	Lafaznya bukanlah mukjizat

Skop	Merangkumi semua topik agama	Kebanyakannya adalah berkenaan dengan kesempurnaan, kemuliaan dan keagungan Allah ﷻ.	Merangkumi semua topik agama
Bacaan Solat	Menjadi bacaan di dalam solat	Tidak boleh menjadi bacaan dalam solat	Tidak boleh menjadi bacaan dalam solat
Keadaan Junub, Haid dan Nifas	Tidak boleh dibaca	Boleh dibaca	Boleh dibaca

Kitab-kitab Karangan berkenaan Hadith Qudsi

Di antara penulisan para ulama' berkenaan dengan hadith qudsi ialah:

- *“Al-Aḥādīth al-Qudsiyyah”* oleh al-Imām al-Nawawī (w.676H).
- *“Al-Arbaʿin al-Ilāhiyyah”* oleh al-Imām Abū al-Ḥasan ʿAlī bin al-Mufaḍḍal al-Lakhmī al-Maqdisī (w.611H).
- *“Mishkāṭ al-Anwār fī mā ruwiya ʿan Allāh – subḥānahu wa taʿālā”* oleh al-Imām Muḥyī al-Dīn Muḥammad bin ʿAlī al-Ṭāʾī al-Andalusī (w.638H/1240M).
- *“Al-Maqāṣid al-Saniyyah fī al-Aḥādīth al-Ilāhiyyah”* oleh al-Imām Abū al-Qāsim ʿAlī Ibnu Balbān al-Ḥanbali (w.739H).
- *“Al-Aḥādīth Al-Arbaʿin Al-Qudsiyyah”* (kitab ini) oleh al-Imām Mullā ʿAlī al-Qārī (w.1014H/1606M) – kitab ini.
- *“Al-Iṭḥāfāt al-Saniyyah fī al-Aḥādīth al-Qudsiyyah”* oleh al-Imām al-ʿAllāmah al-Ḥāfiẓ ʿAbd al-Raʿūf al-Munāwī (w.1301H). Beliau telah menghimpunkan 272 hadith qudsi di dalam kitab ini.
- *“Arbaʿūn Hadīthā Qudsiyyah fī al-Thanāʾ ʿalā Allah”* oleh al-Imām al-Shaykh Yūsūf bin Ismāʿīl al-Nabhānī (w.1350H).



40 Hadith Qudsi

Matan dan Terjemahan



MUQADDIMAH PENGARANG

مُقَدِّمَةُ الْمُصَنِّفِ:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ وَالْبَرِّ الْكَرِيمِ،

Segala puji bagi Allah, Yang Maha Tinggi [Kemuliaan-Nya] lagi Maha Agung, dan Yang Maha Dermawan lagi Maha Mulia,

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ الْأَتَمَّانِ الْأَكْمَلَانِ عَلَى سَيِّدٍ وَلَدٍ عَدْنَانَ،

Dan selawat dan salam yang sempurna lagi lengkap [dipanjatkan] kepada Penghulu anak ‘Adnān [Rasulullah ﷺ],

وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ حَمَلَةَ عُلُومِهِ وَآدَابِهِ وَعَلَى التَّابِعِينَ وَاتَّبَاعِهِمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Dan ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda [ﷺ], para pembawa ilmu dan adab-adab Baginda ﷺ, serta ke atas para tabi‘īn, dan pengikut mereka sehingga ke hari kiamat.

أَمَّا بَعْدُ،

Adapun selepas itu,

فَقَدْ سَنَحَ فِي خَاطِرِ الْمُفْتَقِرِ إِلَى رَحْمَةِ رَبِّهِ الْبَارِي عَلِيِّ بْنِ سُلْطَانِ مُحَمَّدٍ الْقَارِي

Sesungguhnya telah terlintas di fikiran si fakir kepada rahmat Tuhannya yang Maha Pencipta, ‘Alī bin Sulṭān Muḥammad al-Qārī,

أَنْ أَجْمَعَ مِنَ الْأَحَادِيثِ الْقُدْسِيَّةِ وَالْكَلِمَاتِ الْأُنْسِيَّةِ أَرْبَعِينَ حَدِيثًا

Untuk saya menghimpunkan empat puluh (40) hadits daripada hadits-hadith qudsi dan kalimah-kalimah yang menjadi peneman,

يُرْوِيهِ صَدْرُ الرُّوَاةِ وَيَبْذُرُ الثَّقَاتِ عَلَيْهِ أَفْضَلُ الصَّلَوَاتِ وَأَكْمَلُ التَّحِيَّاتِ عَنِ اللَّهِ تَبَارَكَ
وَتَعَالَى

Yang diriwayatkan oleh kemuncak para perawi dan purnama penuh para thiqāt (Rasulullah ﷺ) – ke atas Baginda sebaik-baik selawat dan semulia-mulia salam daripada Allah ﷻ,

تَارَةً بِوَاسِطَةِ جِبْرِيلَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ

Adakalanya dengan perantaraan Sayyidina Jibril – (عليه السلام) ke atasnya selawat dan salam,

وَتَارَةً بِالْوَحْيِ وَالْإِلْهَامِ وَالْمَنَامِ

Dan adakalanya dengan wahyu, ilham dan mimpi,

مُفَوَّضًا إِلَيْهِ التَّعْيِيرُ بِأَيِّ عِبَارَةٍ شَاءَ مِنْ أَنْوَاعِ الْكَلَامِ

Diserahkan kepada Baginda ﷺ untuk menyusun ibaratnya dengan apa sahaja bentuk ibarat yang Baginda ﷺ mahukan daripada pelbagai jenis kata-kata,

وَهِيَ تُغَايِرُ الْقُرْآنَ الْحَمِيدَ وَالْفُرْقَانَ الْمَجِيدَ

Dan ia berbeza dengan al-Quran yang Mulia dan al-Furqān yang Agung

بِأَنَّا نَزُولُهُ لَا يَكُونُ إِلَّا بِوَاسِطَةِ الرُّوحِ الْأَمِينِ

Dengan hakikat bahawa sesungguhnya penurunan al-Quran itu tidak berlaku melainkan dengan perantaraan al-Rūḥ al-Amīn [Jibril ﷺ]

وَيَكُونُ مُقَيَّدًا بِاللَّفْظِ الْمُنَزَّلِ مِنَ اللَّوْحِ الْمَحْفُوظِ عَلَى وَجْهِ التَّعْيِينِ

Dan lafaznya itu terikat dengan lafaz yang diturunkan dari al-Lawḥ al-Mahfūz secara tepat

ثُمَّ يَكُونُ نَقْلُهُ مُتَوَاتِرًا قَطْعِيًّا فِي كُلِّ طَبَقَةٍ وَعَصْرٍ وَحِينٍ

Kemudian, nukilannya itu mestilah secara mutawatir yang qaṭʿī (tanpa syak) pada setiap tingkatan [para perawinya], era dan waktu.

وَيَتَفَرَّغُ عَلَيْهِ فُرُوعٌ كَثِيرَةٌ عِنْدَ الْعُلَمَاءِ بِهَا شَهِيرَةٌ

Dan terpancar dari permasalahan ini cabang-cabang [permasalahan] yang banyak di sisi para ulama', dan ia masyhur di sisi mereka

مِنْهَا عَدَمُ صِحَّةِ الصَّلَاةِ بِقِرَاءَةِ الْأَحَادِيثِ الْقُدْسِيَّةِ

Di antaranya: Tidak sah solat dengan membaca hadith-hadith qudsi

وَمِنْهَا عَدَمُ حُرْمَةِ مَسِّهَا وَقِرَاءَتِهَا لِلْجُنُبِ وَالْحَائِضِ وَالنَّفْسَاءِ

Dan di antaranya: Tidak haram menyentuhnya (hadith qudsi) dan membacanya bagi seorang yang berjunub dan wanita yang berada dalam haid dan nifas,

وَمِنْهَا عَدَمُ كُفْرِ جَا حِدِهَا

Dan di antaranya: Tidak kufur seseorang yang mengingkarinya [kerana ia tidak mencapai tahap qaṭʿī yang mutawātir]

وَمِنْهَا عَدَمُ تَعَلُّقِ الْإِعْجَازِ بِهَا

Dan di antaranya: Mukjizat Rasulullah ﷺ tidak berkait dengan lafaznya

رَجَاءُ أَنْ أَكُونَ فِي الدُّنْيَا دَاخِلًا تَحْتَ شَرْطِيَّةِ

Dengan harapan agar di dunia ini, saya termasuk di bawah syarat [hadith]:

((مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا)) مِنْ السُّنَّةِ

“Barang siapa yang memelihara bagi umatku ini empat puluh hadits,”
daripada al-Sunnah

وَفِي الْآخِرَةِ أَسْلُكَ فِي جَزَاءٍ :

Dan di akhirat kelak, saya dapat melalui jalan orang-orang yang
mendapat ganjaran [hadith ini]:

((كُنْتُ لَهُ شَهِيدًا وَشَفِيعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ))

“Maka aku (Rasulullah ﷺ) akan menjadi saksi dan pemberi syafaat
baginya pada hari kiamat kelak.”

الْأَحَادِيثُ:

Hadith-hadith tersebut ialah:

Hadith 1: Bacaan al-Fatihah di dalam Solat adalah Munajat Seorang Hamba dengan Allah ﷻ

الْحَدِيثُ الْأَوَّلُ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: قَسَمْتُ الصَّلَاةَ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي نِصْفَيْنِ وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ. فَإِذَا قَالَ الْعَبْدُ: ﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾، قَالَ اللَّهُ: حَمَدِي عَبْدِي، فَإِذَا قَالَ: ﴿الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾، قَالَ اللَّهُ: أَنْتَى عَلَيَّ عَبْدِي، فَإِذَا قَالَ: ﴿مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ﴾، قَالَ: مَجْدِي عَبْدِي، فَإِذَا قَالَ: ﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾ قَالَ: هَذَا بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ، فَإِذَا قَالَ: ﴿أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ﴾ ﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ﴾ قَالَ: هَذَا لِعَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَصْحَابُ السُّنَنِ مَا عَدَا الْبُخَارِيَّ]

Daripada Abū Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Aku membahagikan solat di antara Aku dan hamba-Ku menjadi dua bahagian, dan bagi hamba-Ku itu apa yang dia pohonkan [dari-Ku].

Apabila hamba tersebut berkata: ﴿Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam﴾, maka Allah berfirman (hadith qudsi): Hamba-Ku memuji-Ku.

Apabila hamba tersebut berkata: ﴿Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani﴾, maka Allah berfirman (hadith qudsi): Hamba-Ku memperindahkannya pujiannya bagi-Ku.

Apabila hamba tersebut berkata: ﴿Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat)﴾, maka Allah berfirman (hadith qudsi): Hamba-Ku mengagungkan-Ku.

Apabila hamba tersebut berkata: ﴿Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan﴾, maka Allah berfirman (hadith qudsi): Ini adalah di antara Aku dan hamba-Ku, dan bagi hamba-Ku itu apa yang dia pohonkan [dari-Ku].

Apabila hamba tersebut berkata: ﴿Tunjukilah kami jalan yang lurus﴾
﴿Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat﴾, maka Allah berfirman (hadith qudsi): Ini adalah bagi hamba-Ku, dan bagi hamba-Ku itu apa yang dia pohonkan [dari-Ku].”

Imam Ahmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga para pengarang kitab-kitab utama hadith yang enam melainkan Imam al-Bukhārī (w.256H).

Hadith 2: Orang Yang Mendustakan Allah dan Mencela-Nya

الْحَدِيثُ الثَّانِي:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: كَذَّبَنِي ابْنُ آدَمَ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ، وَشَتَمَنِي وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ، فَأَمَّا تَكْذِيبُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ: لَنْ يُعِيدَنِي كَمَا بَدَأَنِي، وَلَيْسَ أَوَّلُ الْخَلْقِ بِأَهْوَنَ عَلَيَّ مِنْ إِعَادَتِهِ، وَأَمَّا شَتْمُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ: اخْتَذَ اللَّهُ وَلَدًا، وَأَنَا الْأَحَدُ الصَّمَدُ لَمْ أَلِدْ وَلَمْ أُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لِي كُفْوًا (/ كُفُؤًا أَحَدٌ)))

[رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Anak Adam telah mendustakan Daku sedangkan dia tidak berhak melakukannya; dan dia telah mencela Daku sedangkan dia tidak berhak melakukannya.

Pedustaannya terhadap-Ku ialah kata-katanya: Dia (Allah) tidak akan mengembalikan [nyawa]ku [setelah Dia mewafatkanku] sepertimana Dia telah memulakan kejadianku; [sedangkan] penciptaannya yang pertama dulu itu tidaklah lebih mudah bagi-Ku daripada mengembalikannya semula [dari sudut akal: mengembalikan sesuatu yang mati/telah wujud lebih mudah daripada mencipta/menghidupkan

sesuatu yang tiada]⁶ [dari sudut akidah: kedua-duanya – menjadikan dan menghidupkan – adalah sama mudahnya di sisi Allah]⁷.

Celaannya terhadap-Ku pula ialah kata-katanya: Allah mempunyai anak; [sedangkan] Aku [Allah] Yang Maha Esa; Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Aku tidak beranak, dan Aku pula tidak diperanakkan; dan tidak ada sesiapaupun yang serupa dengan-Ku.”

Imam al-Bukhārī (w.256H) telah meriwayatkannya.

⁶ Allah ﷻ berfirman (Surah al-Rūm: ayat 27): (وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ) “Dan Dia lah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Ia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedang perlaksanaan yang demikian amatlah mudah bagiNya ...” Ayat ini merupakan *khiṭāb* bagi akal agar memahami bahawa menghidupkan yang mati itu lebih mudah berbanding mencipta sesuatu yang tiada. Dalam erti kata lain, jika seorang manusia itu boleh diciptakan oleh Allah daripada tiada, maka menghidupkan manusia yang telah mati dan telah ada pastinya lebih mudah menurut pandangan akal.

⁷ Namun begitu dari sudut akidah, kita tidak boleh menyatakan bahawa menghidupkan manusia yang telah mati itu lebih mudah bagi Allah berbanding mencipta manusia yang tiada kerana semua perkara *mumkin* di sisi Allah adalah sama sahaja. Tafsiran ini telah dijelaskan di dalam tafsir al-Jalālayn (p.534): (مِنْ الْبَدْءِ بِالنَّظَرِ إِلَى مَا عِنْدَ الْمُخَاطَبِينَ مِنْ أَنَّ إِعَادَةَ الشَّيْءِ أَسْهَلُ مِنْ ابْتِدَائِهِ وَإِلَّا فَهُمَا عِنْدَ اللَّهِ) (تَعَالَى سَوَاءٌ فِي السُّهُولَةِ).

Hadith 3: Allah adalah Pencipta Waktu dan Pengaturnya

الْحَدِيثُ الثَّالِثُ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يُؤْذِنِي ابْنُ آدَمَ، يَسُبُّ الدَّهْرَ وَأَنَا الدَّهْرُ بِيَدِي الْأَمْرُ أَقْلِبُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ))

[مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَرَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَأَحْمَدُ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Anak Adam itu menyakiti [makhluk-]Ku, Dia mencaci masa/waktu, sedangkan Aku adalah [pencipta] masa/waktu.

Pada kekuasaan-Kulah urusan/ perintah [berkenaan masa/waktu].
Akulah yang mengatur malam dan siang.”

Muttafaq ‘alayh dan Imam al-Bukhārī (w.256H) telah meriwayatkannya dan juga Imam Aḥmad (w.241H).

Hadith 4: Fadilat Menziarahi Orang Sakit, Memberi Makanan dan Minuman

الْحَدِيثُ الرَّابِعُ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: يَا ابْنَ آدَمَ مَرَضْتُ، فَلَمْ تَعُدْنِي. قَالَ: يَا رَبِّ! كَيْفَ أَعُوذُكَ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَالَمِينَ. قَالَ: أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ عَبْدِي فُلَانًا مَرِضٌ فَلَمْ تَعُدَّهُ، أَمَا عَلِمْتَ أَنَّكَ لَوْ عُدْتَهُ لَوَجَدْتَنِي عِنْدَهُ؟، يَا ابْنَ آدَمَ اسْتَطَعَمْتُكَ فَلَمْ تُطْعِمْنِي، قَالَ: يَا رَبِّ! كَيْفَ أَطْعِمُكَ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَالَمِينَ؟، قَالَ: أَمَا عَلِمْتَ أَنَّهُ اسْتَطَعَمَكَ عَبْدِي فُلَانٌ، فَلَمْ تُطْعِمْهُ، أَمَا عَلِمْتَ أَنَّكَ لَوْ أَطْعَمْتَهُ لَوَجَدْتَ ذَلِكَ عِنْدِي؟، يَا ابْنَ آدَمَ اسْتَسْقَيْتُكَ فَلَمْ تَسْقِنِي، قَالَ: يَا رَبِّ! كَيْفَ أَسْقِيكَ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَالَمِينَ، قَالَ: اسْتَسْقَاكَ عَبْدِي فُلَانٌ، فَلَمْ تَسْقِهِ، أَمَا عَلِمْتَ أَنَّكَ لَوْ سَقَيْتَهُ لَوَجَدْتَ ذَلِكَ عِنْدِي))

[رَوَاهُ مُسْلِمٌ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

Sesungguhnya Allah ﷻ berfirman pada hari Kiamat kelak (hadith qudsi):

“Wahai anak Adam, Aku jatuh sakit dan engkau tidak menziarahi-Ku,” maka dia (manusia) berkata: “Wahai Tuhanku, bagaimanakah aku boleh menziarahi-Mu sedangkan Engkau adalah Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir sekalian alam?.”

Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi): Tidakkah engkau tahu bahawa sesungguhnya hamba-Ku si fulan itu telah jatuh sakit dan engkau tidak menziarahinya? Apakah engkau tidak tahu bahawa sesungguhnya

sekiranya engkau menziarahi-Nya, engkau akan mendapatkan [rahmat]-Ku di sisinya?.”

“Wahai anak Adam, Aku telah meminta makanan daripadamu, akan tetapi engkau tidak memberi-Ku makan,” maka dia berkata: “Wahai Tuhanku, bagaimanakah aku boleh memberi Engkau makan sedangkan Engkau adalah Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir sekalian alam?.”

Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi): “Tidakkah engkau tahu sesungguhnya hamba-Ku si fulan telah meminta makanan daripadamu, akan tetapi engkau tidak memberinya makan? Tidakkah engkau tahu sesungguhnya bahawa jika engkau memberinya makan, engkau akan mendapatkan [ganjarannya] itu di sisi-Ku?.”

“Wahai anak Adam, Aku meminta minum daripadamu tetapi engkau tidak memberi-Ku minum,” maka dia berkata: “Wahai Tuhanku, bagaimanakah aku boleh memberi Engkau minum sedangkan Engkau adalah Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir sekalian alam?.”

Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi): “Hamba-Ku si fulan telah meminta minum daripadamu, tetapi engkau tidak beri memberinya minum. Apakah engkau tidak tahu bahawa sesungguhnya sekiranya engkau memberinya minum, engkau pasti akan mendapatkan [ganjarannya] itu di sisi-Ku?.”

Imam Muslim (w.261H) telah meriwayatkannya.

Hadith 5: Fadilat Sabar di atas Musibah Hilang Penglihatan

الْحَدِيثُ الْخَامِسُ:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ:

((قَالَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى: إِذَا ابْتَلَيْتُ عَبْدِي بِحَبِيبَتَيْهِ، فَصَبَرَ عَوَّضْتُ مِنْهُمَا الْجَنَّةَ)) يُرِيدُ

عَيْنَيْهِ

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالبُخَارِيُّ]

Daripada Anas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Aku telah mendengar Baginda Nabi ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Apabila aku menguji hamba-Ku dengan dua kekasihnya (buta kedua-dua belah matanya), lalu dia bersabar, maka Aku akan menggantikan bagi kedua-duanya itu syurga.”

Maksudnya dengan “dua kekasihnya” ialah “kedua-dua belah matanya.”

Imam Ahmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam al-Bukhārī (w.256H).

Hadith 6: Bala' dan Ujian Membersihkan Dosa; Pahala Berterusan bagi Amalan Soleh Yang Menjadi Kebiasaan

الْحَدِيثُ السَّادِسُ:

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رضي الله عنه: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ:

((إِنَّ اللَّهَ ﷻ يَقُولُ: إِذَا ابْتَلَيْتُ عَبْدًا مِنْ عِبَادِي مُؤْمِنًا فَحَمِيدِي وَصَبَرَ عَلَى مَا ابْتَلَيْتُهُ، فَإِنَّهُ يَقُومُ مِنْ مَضْجَعِهِ ذَلِكَ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ مِنَ الْخَطَايَا، وَيَقُولُ الرَّبُّ تَبَارَكَ وَتَعَالَى لِلْحَفْظَةِ: إِنِّي قَدْ قَيَّدْتُ عَبْدِي هَذَا وَابْتَلَيْتُهُ، فَأَجْرُوا لَهُ مَا كُنتُمْ تُجْرُونَ لَهُ وَهُوَ صَحِيحٌ))
[رَوَاهُ أَحْمَدُ]

Daripada Shaddād bin Aws رضي الله عنه, beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Apabila aku menguji seorang hamba yang beriman daripada kalangan hamba-Ku (/menimpakannya dengan bala' ujian), lalu dia memuji-Ku dan bersabar di atas ujian/bala' yang telah Aku timpakan ke atasnya, maka apabila dia bangun daripada tempat pembaringannya kelak, dia bersih daripada dosa-dosa sepertimana pada hari ibunya melahirkannya.

Dan Allah ﷻ juga berfirman bagi para malaikat yang mencatat amalannya:

Sesungguhnya Aku telah mengikat hamba-Ku ini dengan ikatan dan Aku menimpakannya dengan bala' ujian [sakit/ uzur sehingga dia tidak mampu beramal seperti kebiasannya], maka teruskanlah catatan

kamu baginya seperti mana yang kamu catatkan untuknya [amal solehnya] sewaktu dia masih sehat.”

Imam Ahmad (w.241H) telah meriwayatkannya.

Hadith 7: Penyakit di Dunia Sebagai Ganti bagi Azab Api Neraka di Akhirat

الْحَدِيثُ السَّابِعُ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَادَ مَرِيضًا فَقَالَ:
((أَبَشِّرْ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: هِيَ نَارِي أُسَلِّطُهَا عَلَى عَبْدِي الْمُؤْمِنِ فِي الدُّنْيَا لِتَكُونَ حَظَّهُ
مِنَ النَّارِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَهَ وَالبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah melawat seorang yang sakit, kemudian Baginda ﷺ bersabda:

“Terimalah khabar gembira, sesungguhnya Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Ia (sakit/ demam) ini adalah merupakan api-Ku yang Aku kuasakannya ke atas hamba-Ku yang beriman di dunia, sebagai bahagiannya dari api neraka di akhirat kelak [yang telah didahulukan di dunia ini, maka tidak ada lagi bahagian api neraka baginya di akhirat kelak].”

Imam Aḥmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam Ibnu Mājah (w.273H) serta Imam al-Bayhaqī (w.458H) di dalam “Shu‘ab al-Īmān”.

Hadith 8: Kesakitan Tubuh Badan dan Kesempitan Rezeki Menghapuskan Dosa

الْحَدِيثُ الثَّامِنُ:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((إِنَّ الرَّبَّ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يَقُولُ: وَعِزِّي وَجَلَالِي لَا أَخْرِجُ أَحَدًا مِنَ الدُّنْيَا أُرِيدُ أَنْ
أَغْفِرَ لَهُ حَتَّى أَسْتَوْفِيَ كُلَّ خَطِيئَتِهِ فِي عُنُقِهِ بِسُقْمٍ فِي بَدَنِهِ وَإِقْتَارٍ فِي رِزْقِهِ))

[رَوَاهُ رَزِينٌ]

Daripada Anas [bin Mālik] رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Demi kemuliaan-Ku dan keagungan-Ku, Aku tidak akan mengeluarkan seseorang daripada dunia ini sedangkan Aku mahu mengampunkannya, sehinggalah Aku mengambil setiap dosa/kesalahan yang ditanggungnya di lehernya, dengan kesakitan pada tubuh badannya dan kesempitan pada rezekinya.”

Imam Razīn⁸ (w.535H) telah meriwayatkannya.

⁸ Beliau ialah al-Imām al-Muḥaddith al-Shahīr Ibnu ‘Ammār, Razīn bin Mu‘āwiyah al-‘Abdarī al-Andalusī. Beliau adalah salah seorang tokoh ulama’ yang masyhur pada kurun ke-6 Hijrah kerana keilmuan beliau di dalam bidang hadith, fiqh, sirah dan sejarah. Beliau juga merupakan pengarang kitab “Tajrīd al-Ṣiḥāḥ wa al-Sunan” yang masyhur dengan ziyādātunya. Beliau wafat di Mekah pada bulan Muharram tahun 535 Hijrah (al-Dhahabī).

Hadith 9: Kewajipan Bersangka Baik dengan Allah ﷻ

الْحَدِيثُ التَّاسِعُ:

عَنْ وَائِلَةَ   أَن رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي، فَلْيَظُنَّ بِي مَا شَاءَ))

[رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ وَالْحَاكِمُ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ]

Daripada Wāthilah  , beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Aku di sisi sangkaan hamba-Ku terhadap-Ku.

Maka hendaklah dia mempunyai sangkaan [yang baik] terhadap-Ku dengan apa yang dia mahu [kerana Aku mengurniaknya sepertimana sangkaannya terhadap-Ku].”

Imam al-Ṭabarānī (w.360H) telah meriwayatkannya dan juga Imam al-Ḥākim (w.405H) dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

Hadith 10: Nikmat Syurga itu Tidak Pernah Dilihat atau Didengar atau Dibayangkan kerana Terlalu Hebat

الْحَدِيثُ الْعَاشِرُ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَعَدَدْتُ لِعِبَادِي الصَّالِحِينَ مَا لَا عَيْنٌ رَأَتْ وَلَا أُذُنٌ سَمِعَتْ وَلَا خَطَرَ عَلَى قَلْبِ بَشَرٍ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَرْجِيٍّ وَابْنُ مَاجَهَ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Aku telah menyediakan bagi para hamba-Ku yang soleh, apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, dan tidak dipernah didengari oleh telinga, dan tidak pernah terlintas di hati seorang manusia pun.”

Imam Aḥmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam al-Bukhārī (w.256H), Imam Muslim (w.261H), Imam al-Tirmidhī (w.279H) dan Imam Ibnu Mājah (w.273H).

Hadith 11: Reda dan Sabar dengan Ketentuan dan Ujian daripada Allah ﷻ

الْحَدِيثُ الْحَادِي عَشَرَ:

عَنْ أَبِي هِنْدٍ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: مَنْ لَمْ يَرْضَ بِقَضَائِي وَلَمْ يَضْبِرْ عَلَى بَلَائِي، فَلْيَلْتَمِسْ رَبًّا سِوَايَ))

[رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ]

Daripada Abū Hind al-Dārī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Barang siapa yang tidak reda dengan ketentuan-Ku, dan tidak bersabar dengan ujian-Ku, maka hendaklah dia mencari Tuhan selain-Ku [dan dia pasti tidak akan menemuinya].”

Imam al-Ṭabarānī (w.360H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang *ḍa‘īf*.

Hadith 12: Puasa adalah Untuk Allah ﷻ

الْحَدِيثُ الثَّانِي عَشَرَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ))

[رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

“Setiap amalan anak Adam adalah untuk dirinya melainkan puasa. Sesungguhnya ia adalah untuk-Ku dan Aku-lah yang akan memberikan ganjaran untuknya.”

Imam al-Bukhārī (w.256H) telah meriwayatkannya dan juga Imam Muslim (w.261H).

Hadith 13: Kemurahan Kurniaan Allah bagi Perihal Pahala dan Dosa

الْحَدِيثُ الثَّالِثُ عَشَرَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِذَا هَمَّ عَبْدِي بِحَسَنَةٍ وَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبْتُهَا لَهُ حَسَنَةً، فَإِذَا عَمِلَهَا كَتَبْتُهَا عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ، وَإِذَا هَمَّ بِسَيِّئَةٍ وَلَمْ يَعْمَلْهَا لَمْ أَكْتُبْهَا عَلَيْهِ فَإِنْ عَمِلَهَا كَتَبْتُهَا سَيِّئَةً وَاحِدَةً))

[رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ وَالتِّرْمِذِيُّ]

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau telah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi): “Apabila hamba-Ku mahu melakukan satu kebajikan tetapi dia tidak melaksanakannya, Aku menulis baginya satu kebajikan.

Dan apabila dia melakukannya, Aku mencatatnya dengan sepuluh (10) kebajikan sehingga tujuh ratus (700) kali ganda.

Dan apabila dia terfikir/ mahu untuk melakukan kejahatan, kemudian dia tidak melakukannya, maka Aku tidak mencatat dosa/kesalahan baginya.

Dan sekiranya dia melakukannya, maka Aku mencatatkan baginya satu kejahatan sahaja.”

Imam al-Bukhārī (w.256H) telah meriwayatkannya dan juga Imam Muslim (w.261H) serta Imam al-Tirmidhī (w.279H).

Hadith 14: Allah Cinta kepada Hamba Yang Cinta untuk Bertemu dengan-Nya, serta Sebaliknya

الْحَدِيثُ الرَّابِعُ عَشَرَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِذَا أَحَبَّ عَبْدِي لِقَائِي أَحَبَّتُ لِقَائَهُ، وَإِذَا كَرِهَ لِقَائِي كَرِهْتُ لِقَائَهُ))

[رَوَاهُ مَالِكٌ وَابْنُ خَرِيزٍ وَالنَّسَائِيُّ]

Daripada Abu Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Apabila hamba-Ku gembira/cinta untuk bertemu dengan-Ku, maka Aku juga cinta untuk menemuinya.

Dan apabila dia benci untuk bertemu dengan-Ku, maka Aku juga benci untuk bertemu dengan-Nya.”

Imam Malik (w.179H) telah meriwayatkannya dan juga Imam al-Bukhari (w.256H) serta Imam al-Nasā'ī (w.303H).

Hadith 15: Keagungan Allah ﷻ: Seluruh Makhluk Berhajat kepada-Nya dan Allah ﷻ Tidak Berhajat kepada Seluruh Makhluk-Nya

الْحَدِيثُ الْخَامِسُ عَشَرَ:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا عِبَادِي! إِنِّي حَرَمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ مُحَرَّمًا بَيْنَكُمْ فَلَا تَظَالَمُوا، يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ ضَالٌّ إِلَّا مَنْ هَدَيْتُهُ فَاسْتَهْدُونِي أَهْدِكُمْ، يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ جَائِعٌ إِلَّا مَنْ أَطْعَمْتُهُ فَاسْتَطْعِمُونِي أَطْعِمَكُمْ، يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ عَارٍ إِلَّا مَنْ كَسَوْتُهُ فَاسْتَكْسُونِي أَكْسِكُمْ، يَا عِبَادِي إِنَّكُمْ تُخْطِئُونَ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَأَنَا أَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا فَاسْتَغْفِرُونِي أَغْفِرْ لَكُمْ، يَا عِبَادِي إِنَّكُمْ لَنْ تَبْلُغُوا ضُرِّي فَتَضُرُّوْنِي وَلَنْ تَبْلُغُوا نَفْعِي فَتَنْفَعُونِي، يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَنَّتُمْ كَانُوا عَلَى أَتَقَى قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ مِنْكُمْ مَا زَادَ ذَلِكَ فِي مُلْكِي شَيْئًا، يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَنَّتُمْ كَانُوا عَلَى أَفْجَرِ قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِنْ مُلْكِي شَيْئًا، يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَنَّتُمْ قَامُوا فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ فَسَأَلُونِي فَأَعْطَيْتُ كُلَّ إِنْسَانٍ مَسْئَلَتَهُ مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِمَّا عِنْدِي إِلَّا كَمَا يُنْقَضُ الْخَيْطُ إِذَا أُدْخِلَ الْبَحْرَ، يَا عِبَادِي إِنَّمَا هِيَ أَعْمَالُكُمْ أُخْصِيهَا لَكُمْ ثُمَّ أُوَفِّيكُمْ إِلَيَّهَا، فَمَنْ عَمِلَ خَيْرًا فَلْيَحْمَدِ اللَّهَ، وَمَنْ وَجَدَ غَيْرَ ذَلِكَ فَلَا يَلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ))

[رَوَاهُ مُسْلِمٌ]

Daripada Abū Dharr al-Ghifārī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya Aku telah mengharamkan kezaliman ke atas diri-Ku (Aku Maha Suci daripada melakukan kezaliman), dan Aku telah menjadikannya sesuatu yang haram di antara sesama kamu, maka janganlah kamu saling zalim-menzalimi.

Wahai para hamba-Ku, setiap daripada kamu adalah sesat melainkan sesiapa yang Aku kurniakan hidayat (petunjuk) kepadanya, maka mintalah hidayat daripada-Ku, pasti Aku akan memberi hidayat kepada kamu.

Wahai para hamba-Ku, setiap daripada kamu adalah lapar melainkan sesiapa yang Aku kurniakan makanan kepadanya, maka mintalah makanan daripada-Ku, pasti Aku akan memberi makanan kepada kamu.

Wahai para hamba-Ku, setiap daripada kamu adalah bertelanjang (tidak mempunyai pakaian) melainkan sesiapa yang Aku kurniakan pakaian kepadanya, maka mintalah pakaian daripada-Ku, pasti Aku akan memberi pakaian kepada kamu.

Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya kamu melakukan kesalahan di waktu malam dan siang, dan Aku mengampunkan segala dosa (/bagi kamu dosa-dosa kamu) kesemuanya, maka mintalah keampunan dari-Ku, pasti Aku akan memberi keampunan kepada kamu.

Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya kamu tidak akan mampu buat selama-lamanya untuk menyampaikan kemudaratan kepada-Ku bagi menyakiti-Ku, dan kamu tidak akan mampu buat selama-lamanya untuk menyampaikan kemanfaatan kepada-Ku bagi memberi manfaat kepada-Ku.

Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya sekiranya hamba yang pertama dari kalangan kamu dan yang terakhir dari kalangan kamu,

termasuk manusia dan jin keseluruhannya berada di atas hati seorang lelaki yang paling bertakwa dari kalangan kamu, maka keadaan itu tidak akan menambah sesuatu apa pun dalam kekuasaan-Ku.

Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya sekiranya hamba yang pertama dari kalangan kamu dan yang terakhir dari kalangan kamu, termasuk manusia dan jin keseluruhannya berada di atas hati seorang lelaki yang paling jahat dari kalangan kamu, maka keadaan itu tidak akan mengurangkan sesuatu apa pun dari kekuasaan-Ku.

Wahai para hamba-Ku, sesungguhnya sekiranya hamba yang pertama dari kalangan kamu dan yang terakhir dari kalangan kamu, termasuk manusia dan jin keseluruhannya berdiri di satu tempat lalu kesemuanya memohon daripada-Ku dan Aku berikan permintaan setiap seorang dari kalangan mereka yang membuat permintaan, maka perkara itu tidak akan mengurangkan apa yang ada di sisi-Ku melainkan seperti satu jarum yang dimasukkan ke dalam air laut.

Wahai para hamba-Ku, hanyasanya ia adalah amalan-amalan kamu yang Aku perhitungkan untuk kamu, kemudian Aku menyempurnakan ganjaran baginya, maka barang siapa yang mendapati kebaikan [amalannya], maka hendaklah dia memuji Allah ﷻ dan barang siapa yang mendapati sebaliknya (keburukan amalannya), maka janganlah dia mengeji melainkan dirinya sendiri.”

Imam Muslim (w.261H) telah meriwayatkannya.

Hadith 16: Allah Meninggalkan (Tidak Menerima Amalan) Orang Yang Menyekutukannya

الْحَدِيثُ السَّادِسُ عَشَرَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَنَا أَغْنَى الشُّرَكَاءِ عَنِ الشُّرْكِ، مَنْ عَمِلَ عَمَلًا أَشْرَكَ فِيهِ مَعِيَ غَيْرِي
تَرَكْتُهُ وَشِرْكُهُ))

[رَوَاهُ مُسْلِمٌ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Aku adalah [Tuhan] Yang Maha Kaya daripada segala sekutu.

Barang siapa melakukan satu amalan yang mana dia menyekutukan Daku padanya dengan selain-Ku, maka Aku meninggalkannya (tidak menerima amalannya itu) dan sekutunya itu.”

Imam Muslim (w.261H) telah meriwayatkannya.

Hadith 17: Galakan Memberi Infaq (Membelanjakan Harta) Untuk Tujuan Kebaikan

الْحَدِيثُ السَّابِعُ عَشَرَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: أَنْفِقْ أَنْفِقْ عَلَيْكَ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالشَّيْخَانُ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

Allah ﷻ berfirman (hadith Qudsi):

“Berikanlah infak [daripada hartamu] (/belanjakanlah hartamu untuk tujuan kebaikan), Aku akan memberi infak (rezeki/ harta) kepadamu.”

Imam Aḥmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga al-Shaykhān (Imam al-Bukhārī (w.256H) dan Imam Muslim (w.261H)).

Hadith 18: Rahmat Allah ﷻ Mendahului Kemurkaan-Nya

الْحَدِيثُ الثَّامِنُ عَشَرَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: سَبَقَتْ رَحْمَتِي غَضَبِي))

[رَوَاهُ مُسْلِمٌ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Rahmat-Ku telah mendahului kemurkaan-Ku.”

Imam Muslim (w.261H) telah meriwayatkannya.

Hadith 19: Kurniaan Allah ﷻ buat Para Hamba-Nya Lebih Besar Berbanding Amalan Mereka

الْحَدِيثُ التَّاسِعُ عَشَرَ:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِذَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ الْعَبْدُ شِبْرًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعًا، وَإِذَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ بَاعًا، وَإِذَا أَتَانِي مَشْيًا أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً))

[رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ]

Daripada Anas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Apabila seorang hamba mendekatkan dirinya kepada-Ku dengan [amalan soleh/ketaatan yang ibarat] sejengkal, maka Aku mendekatinya [dengan kurniaan pahala/rahmat yang lebih besar ibarat] sehasta.

Dan apabila dia mendekatkan dirinya kepada-Ku dengan [amalan soleh/ketaatan yang ibarat] sehasta, maka Aku mendekatinya [dengan kurniaan pahala/rahmat yang lebih besar ibarat] sedepa.

Dan apabila dia datang kepada-Ku dengan [amalan soleh/ketaatan yang ibarat] berjalan, maka Aku datang kepadanya [dengan kurniaan pahala/rahmat yang lebih besar ibarat] berlari⁹.”

Imam al-Bukhārī (w.256H) telah meriwayatkannya.

⁹ Maha Suci Allah daripada sifat-sifat jisim seperti bergerak, berdiam, bertempat, berpindah, bersaiz dan mempunyai jarak, sama ada dekat atau jauh.

Hadith 20: Allah ﷻ Memuliakan Hubungan Silaturahmi

الْحَدِيثُ الْعِشْرُونَ:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رضي الله عنه، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَنَا الرَّحْمَنُ، أَنَا خَلَقْتُ الرَّحِمَ، وَشَقَقْتُ لَهَا اسْمًا مِنْ اسْمِي، فَمَنْ وَصَلَهَا وَصَلَتْهُ، وَمَنْ قَطَعَهَا قَطَعَتْهُ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَابْنُ خَرِيٍّ فِي الْأَدَبِ وَأَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَالحَاكِمُ]

Daripada ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awf رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Aku adalah Yang Maha Pemurah (Luas Rahmat-Nya). Aku telah mencipta rahim, dan Aku memberinya satu nama yang dikeluarkan dari nama-Ku.

Barang siapa yang menghubungkannya (silaturahmi), maka Aku menghubungkannya [dengan rahmat-Ku].

Dan barang siapa yang memutuskannya (silaturahmi), maka Aku juga memutuskannya [daripada rahmat-Ku].”

Imam Ahmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam al-Bukhārī (w.256H) di dalam al-Adab [al-Mufrad], Imam Abū Dāwūd (w.275H), Imam al-Tirmidhī (w.279H) dan Imam al-Ḥākim [al-Naysabūrī] (w.405).

Hadith 21: Kemegahan dan Keagungan adalah Milik Allah ﷻ Semata-mata

الْحَدِيثُ الْحَادِي وَالْعِشْرُونَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: الْكِبْرِيَاءُ رِدَائِي، وَالْعِظَمَةُ إِزَارِي، فَمَنْ نَازَعَنِي وَاحِدًا مِنْهُمَا قَذَفْتُهُ فِي النَّارِ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَهَ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

[Sifat] Kebanggaan/kemegahan adalah [seumpama] kain selendang-Ku, [sifat] keagungan/kebesaran adalah [seumpama] kain pakaian-Ku¹⁰.

Barang siapa yang merebut daripada-Ku salah satu daripada kedua-duanya (bersifat dengan sifat-sifat yang hanya layak bagi-Ku ini), maka Aku akan mencampakkannya ke dalam api neraka.”

Imam Ahmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam Abū Dāwūd (w.275H) dan Imam Ibnu Mājah (w.273H).

¹⁰ Maha Suci Allah daripada berhajat kepada pakaian. Ini adalah daripada hadith mutashābihāt yang wajib ditakwil. Hadith ini adalah merupakan kiasan bagi dua sifat yang hanya layak bagi Allah ﷻ semata-mata iaitu (i) membesarkan diri (bermegah) dan (ii) mengagungkan diri. Kedua-dua sifat ini tidak layak bagi makhluk kerana sifat makhluk adalah (i) tawaduk dan (ii) merendahkan diri (al-Khaṭṭābī).

Hadith 22: Galakan Berbuka Puasa di Awal Waktu

الْحَدِيثُ الثَّانِي وَالْعِشْرُونَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَحَبُّ عِبَادِي إِلَيَّ أَعَجَلُهُمْ فِطْرًا))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَابْنُ مَاجَهَ]

Daripada Abū Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Hamba-Ku yang paling dicintai oleh-Ku ialah yang paling segera berbuka puasa [apabila telah masuk waktunya].”

Imam Aḥmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam al-Tirmidhī (w.279H) dan Imam Ibnu Mājah (w.273H).

Hadith 23: Fadilat Orang-orang Yang Saling Berkasih Sayang kerana Keagungan Allah ﷻ

الْحَدِيثُ الثَّالِثُ وَالْعِشْرُونَ:

عَنْ مُعَاذٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: الْمُتَحَابُّونَ فِي جَلَالِي لَهُمْ مَنَابِرُ مِنْ نُورٍ يَغِيطُهُمُ النَّيُّونَ وَالشُّهَدَاءُ))

[رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ]

Daripada Mu‘ādh [bin Jabal] رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Orang-orang yang saling berkasih-sayang kerana keagungan-Ku, maka bagi mereka [di akhirat nanti] mimbar-mimbar daripada cahaya.

Mereka dicemburui oleh para Nabi [ﷺ] dan para syuhada’ (orang-orang yang mati syahid).”

Imam al-Tirmidhī (w.279H) telah meriwayatkannya.

Hadith 24: Memberi Nasihat (Inginkan Kebaikan) bagi/kerana Allah ﷻ adalah Amalan Yang Paling Dicintai-Nya

الْحَدِيثُ الرَّابِعُ وَالْعِشْرُونَ:

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَحَبُّ مَا تَعَبَّدَنِي بِهِ عَبْدِي إِلَيَّ النَّصْحُ لِي))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ بِسَنَدٍ حَسَنِ]

Daripada Abū Umāmah [al-Bāhilī] رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah سُبْحَانَهُ berfirman (hadith qudsi):

Sebaik-baik perkara untuk seorang hamba-Ku melakukan ibadah kepada-Ku dengannya ialah memberi nasihat (inginkan kebaikan) bagi/kerana-Ku¹¹.”

Imam Ahmad (w.241H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang *ḥasan*.

¹¹ Menurut Al-Imām Al-Mujaddid Ibnu Daqīq al-‘Id (w.702H), kalimah “nasihat” di dalam bahasa Arab mempunyai makna yang sangat luas dan mendalam. Tidak ada kalimah lain yang boleh memberikan makna yang sama sepertinya. Ia adalah satu kalimah yang menghimpunkan kebaikan dunia dan akhirat. Menurut beliau lagi, “nasihat bagi/kerana Allah” bermaksud: beriman dengan-Nya, menafikan syirik terhadap-Nya, tidak mengingkari sifat-sifat-Nya iaitu sifat-sifat kesempurnaan (*kamāl*) dan keagungan (*jalāl*), menyucikannya daripada segala kekurangan, melakukan ketaatan kepada-Nya, menjauhi maksiat terhadap-Nya, cinta dan marah kerana-Nya, jihad terhadap kekufuran kepada-Nya, memperakui nikmat-Nya, bersyukur kepada-Nya, mengikhlaskan seluruh amalan hanya untuk-Nya, menyeru para makhluk dan menggalakkan mereka untuk mengamalkan seluruh sifat dan amalan yang telah disebutkan ini dan bersifat lemah lembut terhadap mereka.

Hadith 25: Kecintaan Allah ﷻ Buat Mereka Yang Saling Berkasih Sayang, Berhimpun, Bantu-membantu dan Ziarah Menziarahi KeranaNya

الْحَدِيثُ الْخَامِسُ وَالْعِشْرُونَ:

عَنْ مُعَاذٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَجَبَتْ مُحَبَّتِي لِلْمُتَحَابِّينَ فِيَّ وَالْمُتَجَالِسِينَ فِيَّ وَالْمُتَبَاذِلِينَ فِيَّ وَالْمُتَزَاوِرِينَ فِيَّ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ وَالطَّبْرَانِيُّ وَالْحَاكِمُ وَالْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ]

Daripada Mu‘ādh رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Wajiblah kecintaan-Ku bagi mereka yang saling kasih mengasihi kerana-Ku, dan mereka yang saling berhimpun kerana-Ku, dan mereka yang saling bantu membantu kerana-Ku dan mereka yang saling ziarah-menziarahi kerana-Ku.”

Imam Aḥmad (w.241H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*, dan juga Imam al-Ṭabarānī (w.), Imam al-Ḥākim (w.405H) serta Imam al-Bayhaqī (w.) di dalam Shu‘ab al-Īmān.

Hadith 26: Janji Allah ﷻ kepada Orang Yang Berjihad di Jalan-Nya

الْحَدِيثُ السَّادِسُ وَالْعِشْرُونَ:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَيُّمَا عَبْدٍ مِنْ عِبَادِي يَخْرُجُ مُجَاهِدًا فِي سَبِيلِي ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِي ضَمِنْتُ لَهُ أَنْ أَرْجِعَهُ إِنْ أَرْجَعْتُهُ بِمَا أَصَابَ مِنْ أَجْرٍ أَوْ غَنِيمَةٍ، وَإِنْ قَبَضْتُهُ أَنْ أَعْفِرَ لَهُ وَأَرْحَمَهُ وَأُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ وَالنَّسَائِيُّ]

Daripada ‘Abdullāh Ibnu ‘Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Mana-mana hamba dari kalangan para hamba-Ku yang keluar berjihad di jalan-Ku bagi mencari keredaan-Ku, maka Aku memberi jaminan kepadanya: sekiranya Aku mengembalikannya, maka Aku akan mengembalikannya dengan apa yang dia dapati daripada pahala atau harta ghanimah (rampasan perang).

Dan sekiranya aku mewafatkannya, maka [Aku memberi jaminan bahawa] Aku akan memberi keampunan baginya dan Aku akan merahmatinya serta Aku akan memasukkannya ke dalam syurga.”

Imam Aḥmad (w.241H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* dan juga Imam al-Nasā’ī (w.303H).

Hadith 27: Janji Allah ﷻ kepada Mereka Yang Memelihara Solat Fardu Lima (5) Waktu

الْحَدِيثُ السَّابِعُ وَالْعِشْرُونَ:

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: افْتَرَضْتُ عَلَى أُمَّتِكَ خَمْسَ صَلَوَاتٍ وَعَهَدْتُ عِنْدِي عَهْدًا أَنَّهُ مَنْ حَافَظَ عَلَيْهِنَّ لَوْ قَتِهِنَّ أَدْخَلْتُهُ الْجَنَّةَ وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهِنَّ فَلَا عَهْدَ لَهُ عِنْدِي))

[رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ بِسَنَدٍ حَسَنِ]

Daripada Abū Qatadah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Aku telah memfardukan ke atas umatmu lima solat fardu dan Aku telah mengambil janji di sisi-Ku bahawa sesungguhnya barang siapa yang memelihara perlaksanaan-Nya pada waktunya, maka Aku akan memasukkannya ke dalam syurga.

Dan barang siapa yang tidak memeliharanya [pada waktunya], maka tidak ada janji yang sedemikian di sisi-Ku.”

Imam Ibnu Mājah (w.273H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang *ḥasan*.

Hadith 28: Allah ﷻ Memberitahu kepada Nabi Isa ﷺ tentang Kemuliaan Umat Rasulullah ﷺ

الْحَدِيثُ الثَّامِنُ وَالْعِشْرُونَ:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رضي الله عنه، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى لِعِيسَى: يَا عِيسَى، إِنِّي بَاعْتُ مِنْ بَعْدِكَ أُمَّةً، إِنْ أَصَابَهُمْ مَا يُحِبُّونَ حَمْدُوا وَشَكَرُوا، وَإِنْ أَصَابَهُمْ مَا يَكْرَهُونَ صَبَرُوا وَاحْتَسَبُوا، وَلَا حِلْمَ وَلَا عِلْمَ، قَالَ: يَا رَبِّ كَيْفَ هُمْ وَلَا حِلْمَ وَلَا عِلْمَ، قَالَ: أُعْطِيهِمْ مِنْ حِلْمِي وَعِلْمِي))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالطَّبْرَانِيُّ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ وَالْبَيْهَقِيُّ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ]

Daripada Abū al-Dardā' رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi) kepada Nabi ‘Tsā عليه السلام:

Wahai ‘Tsā, sesungguhnya Aku akan membangkitkan selepasmu satu umat: apabila mereka mendapat sesuatu perkara yang mereka sukai, maka mereka akan memuji-Ku dan bersyukur kepada-Ku.

Dan sekiranya mereka ditimpa dengan sesuatu perkara yang mereka benci/ tidak sukai, maka mereka akan bersabar dan mengharapkan ganjaran daripada-Ku. Mereka terus bersabar dan mengharapkan kurniaan-Ku.

Beliau berkata: Wahai Tuhanku, bagaimanakah mereka itu: *wa lā ḥilm*, *wa lā ‘ilm*. Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi): Aku memberi kurniaan kepada mereka daripada sifat kesabaran-Ku dan ilmu-Ku.”

Imam Aḥmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam al-Ṭabarānī (w.360H) dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* serta Imam al-Bayhaqī (w.458H) di dalam Shu‘ab al-Īmān.

Hadith 29: Allah ﷻ Memberi Keampunan kepada Sesiapa Yang Mengetahui Bahawa Dia adalah Maha Pengampun

الْحَدِيثُ التَّاسِعُ وَالْعِشْرُونَ:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: مَنْ عَلِمَ أَنِّي ذُو قُدْرَةٍ عَلَى مَغْفِرَةِ الذُّنُوبِ غَفَرْتُ لَهُ وَلَا أُبَالِي مَا لَمْ يُشْرِكْ بِي شَيْئًا))

[رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ وَالْحَاكِمُ]

Daripada ‘Abdullāh Ibnu ‘Abbās رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Barang siapa yang mengetahui (beriman) bahawa sesungguhnya Aku Maha Berkuasa untuk memberi keampunan bagi dosa-dosa, maka Aku akan memberi keampunan baginya dan Aku tidak hiraukan [berapa banyak dosa-dosanya] selama mana dia tidak menyekutukan sesuatu dengan-Ku.”

Imam al-Ṭabarānī (w.360H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* dan juga Imam al-Ḥākim (w.405H).

Hadith 30: Kelebihan Tidak Mengadu Penderitaan Yang Menimpa kepada Makhluk

الْحَدِيثُ الثَّلَاثُونَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِذَا ابْتَلَيْتُ عَبْدِي الْمُؤْمِنَ فَلَمْ يَشْكِنِي إِلَى عَوَادِهِ، أَطْلَقْتُهُ مِنْ أَسَارِي ثُمَّ أَبْدَلْتُهُ لَحْمًا خَيْرًا مِنْ لَحْمِهِ وَدَمًا خَيْرًا مِنْ دَمِهِ ثُمَّ يَسْتَأْنِفُ الْعَمَلَ))

[رَوَاهُ الْحَاكِمُ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ وَابْنُ أَبِي شَيْبَةَ فِي شُعَبِ الْإِيمَانِ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Apabila aku menguji hamba-Ku yang mukmin [dengan musibah], dan dia tidak mengadu tentang [ujian]-Ku itu kepada orang-orang yang menziarahinya, maka Aku akan melepaskannya dari tahanan-Ku dan Aku akan menukarkan baginya daging yang lebih baik dari dagingnya yang terdahulu, dan darah yang lebih baik dari darahnya yang terdahulu. Kemudian, bolehlah dia memulakan amalan yang baru.”

Imam al-Hākim (w.405H) meriwayatkannya dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* dan juga Imam al-Bayhaqī (w.458H) di dalam Shu‘ab al-Īmān.

Hadith 31: Keampunan Allah ﷻ Yang Luas bagi Orang-orang Yang Beristighfar

الْحَدِيثُ الْحَادِي وَالْثَلَاثُونَ:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ مِنْكَ وَلَا أُبَالِي. يَا ابْنَ آدَمَ لَوْ بَلَغَتْ ذُنُوبُكَ عَنَانَ السَّمَاءِ ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ وَلَا أُبَالِي. يَا ابْنَ آدَمَ لَوْ أَنَّكَ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الْأَرْضِ خَطَايَا، ثُمَّ لَفَيْتَنِي لَا تُشْرِكُ شَيْئًا بِي لَا تَيْتَكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً))

[رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ]

Daripada Anas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ (w.93H), beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsī):

Wahai anak Adam! Sesungguhnya tidaklah engkau berdoa kepada-Ku dan berharap kepada-Ku melainkan Aku akan mengampunkan engkau di atas apa sahaja yang telah engkau lakukan, dan Aku tidak peduli.

Wahai anak Adam! Sekiranya dosa-dosamu sampai ke puncak langit, kemudian engkau memohon keampunan daripada-Ku, pasti Aku akan mengampunkan engkau.

Wahai anak Adam! Sekiranya engkau datang kepada-Ku dengan kesalahan sepenuh bumi ini, kemudian engkau berjumpa dengan-Ku dalam keadaan engkau tidak menyekutukan-Ku dengan sesuatu apa

pun, pasti Aku akan mengurniakanmu dengan keampunan yang sepenuhnya.”

Imam al-Tirmidhī (w.279H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

Hadith 32: Ketaatan kepada Allah ﷻ Menjadi Sebab Turunnya Nikmat dan Jauhnya Malapetaka

الْحَدِيثُ الثَّانِي وَالثَّلَاثُونَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ رَبُّكُمْ: لَوْ أَنَّ عِبَادِي أَطَاعُونِي لَأَسْقَيْتُهُمُ الْمَطَرَ بِاللَّيْلِ وَلَا أَطْلَعْتُ عَلَيْهِمُ الشَّمْسَ بِالنَّهَارِ وَلَمَّا أَسْمَعْتُهُمْ صَوْتَ الرَّعْدِ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ وَالحَاكِمُ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tuhan kamu (Allah ﷻ) telah berfirman (hadith qudsi):

Sekiranya para hamba-Ku mentaati-Ku, maka Aku akan menurunkan hujan buat mereka pada waktu malam, dan Aku akan menerbitkan matahari ke atas mereka pada waktu siang, dan Aku tidak akan memperdengarkan mereka suara guruh.”

Imam Ahmad (w.241H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang *ṣaḥīḥ* dan juga Imam al-Ḥākim (w.405H).

Hadith 33: Keampunan Allah ﷻ bagi Orang Yang Tidak Menyekutukannya

الْحَدِيثُ الثَّالِثُ وَالثَّلَاثُونَ:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ رَبُّكُمْ: أَنَا أَهْلٌ أَنْ أَتَّقَى فَلَا يُجْعَلُ مَعِيَ إِلَهٌ، فَمَنْ اتَّقَى أَنْ يُجْعَلَ مَعِيَ إِلَهًا فَأَنَا أَهْلٌ أَنْ أَعْفِرَ لَهُ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَهَ وَالحَاكِمُ]

Daripada Anas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tuhan kamu (Allah ﷻ) berfirman (hadith qudsi):

Aku adalah Tuhan yang berhak untuk ditakuti, maka janganlah dijadikan tuhan yang lain bersama-Ku.

Barang siapa yang bertakwa (memelihara dirinya) dari menjadikan tuhan yang lain bersama-Ku, maka Aku berhak untuk memberi keampunan kepadanya.”

Imam Ahmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam al-Tirmidhī (w.279H), Imam al-Nasā’ī (w.303H), Imam Ibnu Mājah (w.273H) dan Imam al-Hākim [al-Naysabūrī] (w.405H).

Hadith 34: Empat Rakaat Duha di Awal Hari Mencukupkan Keperluan Harian

الْحَدِيثُ الرَّابِعُ وَالثَّلَاثُونَ:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا ابْنَ آدَمَ صَلِّ لِي أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مِنْ أَوَّلِ النَّهَارِ أَكْفِكَ آخِرَهُ))

[رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ]

Daripada Abū al-Dardā' رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Wahai anak adam, lakukanlah solat empat rakaat [ḍuḥā] bagi-Ku di awal hari, Aku akan mencukupkan [keperluanmu sehingga ke] akhirnya.”

Imam al-Tirmidhī (w.279H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.

Hadith 35: Ibadah Melapangkan Dada dan Menjauhkan Kefakiran

الْحَدِيثُ الْخَامِسُ وَالثَّلَاثُونَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: يَا ابْنَ آدَمَ تَفَرَّغْ لِعِبَادَتِي أَمْلَأُ صَدْرَكَ غِنًى وَأَسَدُّ فَقْرَكَ، وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ مَلَأْتُ يَدَيْكَ شُغْلًا وَلَمْ أَسَدِّ فَقْرَكَ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَابْنُ مَاجَهَ وَالْحَاكِمُ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Wahai anak Adam, tumpukanlah/ khususkanlah masamu [dengan bersungguh-sungguh] untuk beribadah kepada-Ku, maka Aku akan penuhkan dadamu dengan kekayaan dan Aku akan menutup kefakiranmu.

Dan sekiranya engkau tidak melakukannya, maka Aku akan penuhkan kedua-dua tanganmu dengan kesibukan dan Aku tidak akan menutup kefakiranmu.”

Imam Aḥmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam al-Tirmidhī (w.279H), Imam Ibnu Mājah (w.273H) serta Imam al-Ḥākim (w.405H).

Hadith 36: Kesehatan Tubuh Badan dan Keluasan Rezeki Yang Berterusan Menuntut Ziarah Hamba kepada Allah ﷻ

الْحَدِيثُ السَّادِسُ وَالثَّلَاثُونَ:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: إِنَّ عَبْدًا أَصَحَّحْتُ لَهُ جِسْمَهُ وَوَسَّعْتُ عَلَيْهِ فِي مَعِيشَتِهِ تَمُضِي عَلَيْهِ
خَمْسَةُ أَغْوَامٍ لَا يَقْدُ إِلَيَّ لِمَحْرُومٍ))

[رَوَاهُ أَبُو يَعْلَى فِي مُسْنَدِهِ وَابْنُ حِبَّانٍ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ]

Daripada Abu Sa'īd [al-Khudrī] رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda sesungguhnya:

“Allah سُبْحَانَهُ berfirman [hadith qudsi]:

Sesungguhnya seseorang hamba itu, apabila Aku telah sihatkan baginya jasadnya, dan Aku telah lapangkan baginya kehidupannya, [serta telah] berlalu ke atasnya lima tahun, [namun dia] tidak datang untuk mengunjungiku Daku, [maka dia] adalah seorang yang diharamkan [daripada taufik untuk berbuat demikian].”

Imam Abū Ya‘lā (w.307H) telah meriwayatkannya di dalam Musnadnya dan juga Imam Ibnu Ḥibbān (w.354H) dengan sanad yang ṣaḥīḥ.

Hadith 37: Allah ﷻ Bersama dengan Hamba-Nya Yang Berzikir kepada-Nya

الْحَدِيثُ السَّابِعُ وَالثَّلَاثُونَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

((إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: أَنَا مَعَ عَبْدِي مَا ذَكَرَنِي وَتَحَرَّكَتْ بِي شَفَتَاهُ))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَهَ وَالْحَاكِمُ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi):

Aku bersama dengan hamba-Ku [dengan rahmat yang khusus] selama mana dia mengingati-Ku dan menyebut-Ku serta bergerak kedua-dua bibirnya [kerana berzikir kepada-Ku].”

Imam Aḥmad (w.241H), Imam Ibnu Mājah (w.273H) dan Imam al-Ḥākim (w.405H) telah meriwayatkannya dengan sanad yang ṣaḥīḥ.

Hadith 38: Keredaan Allah buat Penghuni Syurga Tanpa

Kemurkaan Selama-lamanya

الْحَدِيثُ الثَّامِنُ وَالثَّلَاثُونَ:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رضي الله عنه، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ :

((إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ لِأَهْلِ الْجَنَّةِ: يَا أَهْلَ الْجَنَّةِ، يَقُولُونَ: لَبَّيْكَ رَبَّنَا وَسَعْدَيْكَ. فَيَقُولُ: هَلْ رَضِيتُمْ؟، فَيَقُولُونَ: وَمَا لَنَا لَا نَرْضَى وَقَدْ أُعْطِينَا مَا لَمْ تَعْطِ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ. فَيَقُولُ: أَلَا أُعْطِيكُمْ أَفْضَلَ مِنْ ذَلِكَ. فَيَقُولُونَ: يَا رَبِّ وَآيُ شَيْءٍ أَفْضَلُ مِنْ ذَلِكَ؟. فَيَقُولُ: أَحِلُّ عَلَيْكُمْ رِضْوَانِي فَلَا أَسْخَطُ عَلَيْكُمْ بَعْدَهُ أَبَدًا))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالشَّيْخَانِ وَالتِّرْمِذِيُّ]

Daripada Abū Sa‘īd [al-Khudrī] رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

Sesungguhnya Allah ﷻ berfirman kepada ahli syurga (hadith qudsi):
“Wahai ahli syurga!”

Mereka berkata: “Kami patuh wahai Tuhan kami dan kami taat.”

Dia berfirman: “Adakah kamu semua reda?”

Mereka menjawab: “Bagaimana mungkin kami tidak reda terhadap-Mu, sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepada kami sesuatu yang tidak pernah Engkau kurniakan kepada seorang pun daripada kalangan makhluk-Mu.”

Allah ﷻ berfirman: “Apakah kamu mahu agar Aku memberikan kamu sesuatu yang lebih baik dari semua itu?”

Mereka menjawab: “Wahai Tuhan kami, adakah ada sesuatu yang lebih baik dari semua ini?.”

Allah ﷻ berfirman: “Aku mengurniakan kepada kamu semua keredaan-Ku, maka Aku tidak akan murka terhadap kamu semua selepas ini selama-lamanya.”

Imam Aḥmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga al-Shaykhān (Imam al-Bukhari (w.256H) dan Imam Muslim (w.261H)) serta Imam al-Tirmidhī (w.279H).

Hadith 39: Azab Allah ﷻ adalah Buat Mereka Yang MenyekutukanNya

الْحَدِيثُ التَّاسِعُ وَالثَّلَاثُونَ:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ :

أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ لِأَهْلِ النَّارِ عَذَابًا: ((لَوْ أَنَّ لَكَ مَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَيْءٍ كُنْتَ تَفْتَدِي بِهِ. قَالَ: نَعَمْ. قَالَ فَقَدْ سَأَلْتُكَ مَا هُوَ أَهْوَنَ مِنْ هَذَا وَأَنْتَ فِي صُلْبِ آدَمَ أَنْ لَا تُشْرِكَ بِي فَأَبَيْتَ إِلَّا الشُّرْكَ))

[رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ]

Daripada Anas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

Sesungguhnya Allah ﷻ berfirman kepada ahli neraka yang paling ringan azabnya (hadith qudsi):

“Sekiranya engkau mempunyai seluruh perkara yang ada di bumi ini, adakah engkau akan menebus [dirimu dari api neraka] dengannya [pada hari ini]?”

Dia akan menjawab: “Ya.”

Allah ﷻ berfirman (hadith qudsi): “Sesungguhnya Aku telah meminta daripadamu (memerintahkannya kamu) dengan sesuatu yang jauh lebih ringan daripada itu tatkala engkau berada di dalam sulbi [Nabi] Adam [الْطَّيْلِ] agar engkau tidak menyekutukan Daku [dengan sesuatu apa pun], tetapi engkau tidak mahu [patuh kepada-Ku] melainkan [engkau tetap melakukan] syirik [terhadap-Ku] (/menyekutukan Daku dengan sesuatu yang lain).”

Imam al-Bukhāri (w.256H) telah meriwayatkannya dan juga Imam Muslim (w.261H).

Hadith 40: Lindungan Allah ﷻ bagi Orang Yang Saling Berkasih Sayang Kerana-Nya

الْحَدِيثُ الْأَرْبَعُونَ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: ((أَيْنَ الْمُتَحَابُّونَ لِحَلَالِي، أَلْيَوْمَ أَظْلَهُمْ فِي ظِلِّي يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلِّي؟))

[رَوَاهُ أَحْمَدُ وَمُسْلِمٌ]

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

Sesungguhnya Allah ﷻ berfirman pada hari Kiamat (hadith qudsi):

“Di manakah orang-orang yang saling kasih mengasihi kerana keagungan-Ku?.

Pada hari ini, Aku menaungi/ melindungi mereka dengan naungan perlindungan-Ku, [ia adalah] hari di mana tiada naungan perlindungan melainkan naungan perlindungan-Ku.”

Imam Ahmad (w.241H) telah meriwayatkannya dan juga Imam Muslim (w.261H).

PENUTUP

وَنَسْتُلُ اللَّهَ رِضْوَانَهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Dan kita memohon daripada Allah keredaan-Nya di dunia ini dan di akhirat kelak.

وَنَحْمَدُهُ وَنَشْكُرُهُ عَلَى النِّعَمَاءِ وَالْبَلَوَى

Dan kita memuji-Nya dan kita mensyukuri-Nya di atas segala nikmat dan bala'/ ujian.

وَنُصَلِّي وَنُسَلِّمُ عَلَى مُحَمَّدٍ نَبِيِّهِ الْمُصْطَفَى وَرَسُولِهِ الْمُجْتَبَى وَعَلَى سَائِرِ جَمِيعِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِ كُلِّ وَاتِّبَاعِهِمْ أَجْمَعِينَ

Dan kita berselawat dan memberi salam kepada Nabi-Nya Sayyidina Muhammad al-Muṣṭafā (yang terpilih), dan Rasul-Nya yang al-Mujtabā, dan kepada seluruh para Nabi dan Rasul ﷺ, serta kepada ahli keluarga dan para pengikut setiap mereka keseluruhannya.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Dan segala puji hanyalah bagi Allah, Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh alam.

تَمَّ بِعَوْنِ اللَّهِ الْمُعِينِ.

Telah sempurna [penulisan buku ini] dengan bantuan Allah ﷻ yang Maha Memberi Bantuan [kepada para hamba-Nya].

[Selesai di sini, kata-kata Imam Mullā ‘ Alī al-Qārī]

PENTERJEMAH DAN EDITOR

Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau memperolehi Sarjana Muda Syariah (Fiqh and Pengajian Islam) dari Universiti Yarmouk, Jordan dengan Kelas Pertama (*Mumtāz*) pada tahun 2001, Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dengan pengkhususan Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2004 dan dikurniakan Anugerah Pelajar Terbaik Program serta PhD Kewangan Islam dari INCEIF (The Global University of Islamic Finance) pada tahun 2019.

Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan dan menjadi salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016.

Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan dianugerahkan anugerah “Friends of the Police” pada Hari Polis Kebangsaan 2012 di atas sumbangan beliau di dalam bidang ini. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Panel Deradikalisasi dan Pakar Rujuk Bagi Kes-kes Keganasan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 oleh Kementerian Dalam Negeri. Beliau pernah memberi latihan berkenaan Deradikalisasi di Rabdan Academy (United Arab Emirates) dan dilantik sebagai salah seorang Advisory Committee bagi Global Peace Institute (Maldives) dan kini terlibat sebagai salah seorang ahli penyelidik untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Pelampau Keganasan (NAPPCVE).

Dalam pembinaan polisi dan kertas kerja hukum, beliau pernah terlibat sebagai salah seorang panel kepakaran bagi pembinaan Standard MQA bagi Program Muamalat dan Kewangan Islam (2012), Manual Pengurusan Wang Khairat JAWHAR (2014), AJK (Kluster Ekonomi) Pembangunan Dasar Dakwah Negara (2014), Kertas Kerja Hukum Berkaitan Isu-isu Syariah Madinah Mawaddah Wakaf City (2020) dan Kertas Kerja Hukum Penjana dan Pelaburan Dana Masjid (2021). Beliau juga merupakan salah seorang ahli kumpulan penyelidik IMARAH (USIM) yang telah membangunkan satu sistem pengurusan kewangan masjid dan surau yang dinamakan sebagai [Sistem e-MIMAS™](#). Beliau juga merupakan salah seorang ahli kumpulan kerja penggubal bagi Penyemakan Draf Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) Fasa 3, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Bidang kajian beliau merangkumi Fiqh Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam, Tadbir Urus Syariah, Wakaf Korporat, Kewangan Masjid, Ahli Sunnah dan Jama'ah, Deradikalisasi dan PCVE (Preventing and Countering Violent Extremism). Di antara kursus-kursus di peringkat siswazah yang pernah dikendalikan oleh beliau ialah Fiqh Muamalat I, Fiqh Muamalat II, Pengurusan Haji dan Umrah, Pengurusan Institusi Perbankan Islam dan Takaful, Pasaran Wang dan Modal, Halaqah (Pengantar Kitab Turath), Usul Fiqh dan Kewangan Islam. Manakala di peringkat siswazah, beliau pernah mengendalikan kursus Qawa'id Fiqhiyyah, Aplikasi Fiqh Muamalat serta Halal dan Haram di dalam Islam.

Beliau juga meminati pengajian ilmu turath dan sering menghadiri majlis-majlis talaqqi ilmu dan pengajian turath berkitab bersama para *mashāyikh*, termasuk dalam bidang pengajian ilmu hadith riwāyah dan dirāyah. Beliau telah menghasilkan sekitar 30 buah buku. Di antara buku-buku beliau di dalam bidang hadith tematik ialah:

1. 40 Hadith Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan (2013)
2. Cahaya-Cahaya Sunnah Yang Khusus Berkenaan Kelebihan Selawat Ke Atas Nabi Yang Terpilih ﷺ (Terjemahan) (2013)
3. 40 Hadith Puasa dan Ramadan: Dengan Nota Ringkas Fiqh Mazhab al-Shafi'i dan Fiqh Perbandingan (2016)
4. 40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba (Terjemahan) (2017)
5. 40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta (2018)
6. 50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikrullah (2019)
7. Natijah Fikir dan Mutiara Nabawi Berkenaan Majlis Zikir (2019)
8. 50 Hadith Doa Rasulullah ﷺ dan Adab serta Kelebihannya (2019)
9. 40 Hadith Kelebihan Ilmu dan Adab-adabnya (2019)
10. 40 Hadith Berkenaan Kelebihan Penghulu Para Rasul ﷺ (Terjemahan) (2019)
11. 40 Hadith Kemuliaan Masjid dan Adab-adabnya (2020)
12. 40 Hadith Imam Nawawi Berkenaan Asas-asas Agama Islam dan Prinsip Hukum Shariat (2020)
13. Mutiara Nabawiyyah Berkenaan Kelebihan Haji, Umrah dan Zulhijjah (2021)
14. 40 Hadith Qudsi (Terjemahan) (2022) – Buku ini.

BIBLIOGRAFI

- Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī. (2010). *Sunan Abī Dāwud*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Aḥmad, Ibn Ḥanbal. (1995). *al-Musnad*. Mu‘assasat al-Risālah.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismā‘īl. (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dar al-Salām.
- al-Dhahabī, Muhammad Ahmad (1992). *Siyar A‘lām al-Nubalā’*. Mu'assasat al-Risalah.
- al-Ḥākim, Ibn al-Bayyī‘ al-Naysabūrī. (1990). *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Khattabi, Ahmad Muhammad. *Gharib al-Hadith*. Jami'ah Umm al-Qura.
- al-Nasā‘ī, Aḥmad Shu‘ayb. (1986). *al-Sunan al-Kubrā*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Nasā‘ī, Aḥmad Shu‘ayb. (1986). *al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan*. Maktab al-Matbū‘āt al-Islāmiyyah.
- al-Ṣabbāgh, Muḥammad Luṭfī. (1981M/1401H). *al-Ḥadīth al-Nabawī: Muṣṭalaḥuh, Balāghatuh, Kutubuh*. al-Maktab al-Islāmī.
- al-Tirmidhī, Muḥammad ‘Isā. *al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. Maktabat al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Ibn Daqīq al-‘Id, Muhammad ‘Ali. (2003). *Sharh al-Arba‘in al-Nawawiyyah fi al-Aḥadith al-Sahihah al-Nabawiyyah*. Mu'assasat al-Rayyan.
- Ibn Hajar al-Haytami, Shihab al-Din Ahmad. (2009). *al-Fath al-Mubin bi Sharh al-Arba‘in*. Dar al-Minhaj.
- Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī. (2010). *Sunan Ibn Mājah*. Dār Ihyā‘ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad Mukarram. (1414H). *Lisan al-Arab*. Dar Sadir.
- Mullā ‘Alī al-Qārī, Abū al-Ḥasan Nūr al-Dīn Ibn Sulṭān Muḥammad. *Kitāb al-Aḥādith al-Qudsiyyah al-Arba‘iniyyah (Tahqiq: Dr. ‘Abd al-‘Azīz Mukhtār)*. Jāmi‘at Umm al-Qurā. <https://al-maktaba.org/book/32371/11>
- Muslim, Ibn al-Ḥajjāj. (2006). *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār Ṭaybah.


<https://al-maktaba.org>

<https://ar.wikipedia.org>

<https://www.alukah.net>

<https://tarajm.com>

<http://naqeebulhind.hdc.d.in>



Pengarang kitab “**al-Aḥādīth al-Qudsiyyah al-Arba‘niyyah**” ini ialah Al-Imām Al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Faqīh al-Uṣūlī al-Mufasssir al-Muqri’ al-Mutakallim al-Nazzār al-Mu‘arrikh al-Lughawī al-Naḥwī al-Adīb Nūr al-Dīn, Abū al-Hasan, ‘Alī bin Sulṭān Muḥammad al-Qārī al-Hirawī/al-Harawī al-Makki al-Ḥanafī Al-Māturīdī al-Ṣūfī. Secara ringkasnya, beliau lebih masyhur dikenali dengan panggilan **Mullā ‘Alī al-Qārī**. Beliau adalah merupakan tokoh ulama’ Islam Ahli Sunnah dan Jamaah yang bermazhab Hanafi di dalam fiqh, bermanhaj al-Maturidi di dalam aqidah, dan merupakan seorang tokoh ulama’ Sufi.

Buku beliau ini menghimpunkan 40 hadith qudsi daripada kitab-kitab hadith yang utama. Buku ini dilihat sangat bermanfaat dan sesuai dijadikan bacaan motivasi bagi seorang muslim yang mahu meningkatkan cintanya serta baik sangkanya terhadap Allah ﷻ dalam setiap perkara yang berlaku dalam hidupnya. Tema-tema yang terdapat di dalam hadith-hadith ini sangat dekat dengan kehidupan dan hati seorang Muslim di mana Allah ﷻ menzahirkan kesempurnaan kekuasaan-Nya, keindahan layanan-Nya dan keluasan rahmat dan kurniaan-Nya bagi para hamba-Nya.

Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan dan menjadi salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016. Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan dianugerahkan anugerah “Friends of the Police” pada Hari Polis Kebangsaan 2012.



WISDOM
PUBLICATION